

## BAB 2

### PENGENALAN PERIBAHASA

#### 2.0 Pendahuluan

Sebelum memberikan pengenalan kepada peribahasa Arab atau *mathal* dan beberapa perkara yang berkaitan dengannya adalah lebih baik penulis membuat paparan mengenai sesuatu yang menjadi latar belakang dan induk kepada *mathal*, iaitu bahasa kiasan serta kedudukannya dalam pengajian bahasa Arab. Paparan ringkas mengenai bahasa kiasan ini akan menjadikan gambaran terhadap *mathal* lebih jelas dan lebih terang.

#### 2.1 Bahasa Kiasan Dalam Bahasa Arab

*Mathal* merupakan salah satu daripada bahasa kiasan. Bahasa kiasan termasuk dalam kategori *al-Maja:z* dalam bahasa Arab. Ia terletak dalam ilmu *Bala:ghat*.

Dalam ilmu *Bala:ghat*, *al-maja:z* merupakan salah satu cabang kepada ilmu *al-baya:n* yang mengandungi *al-tashbi:h* (perumpamaan), *al-isti`a:rat* (metafora) dan *al-kina:yat* (panggilan atau gelaran).

Perkara-perkara di atas akan diterangkan satu persatu . Ini bertujuan untuk memperjelas kedudukan *mathal* serta hubungan dan kaitannya dengan ketiga-tiga perkara tersebut.

Selain dari itu konsep *al-Qawa'id al-Fiqhiyyat* akan turut dibincangkan, walaupun ia merupakan suatu perkara asing. Penulis merasakan ia perlu diterangkan di sini, dengan tujuan untuk mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul disebabkan terdapatnya beberapa persamaan antara konsep ini dengan *mathal*.

### 2.1.1 *Tashbi:h*

*Tashbi:h* yang bermaksud perumpamaan dalam bahasa Arab adalah sesuatu yang indah. Ia adalah salah satu daripada cabang ilmu *al-baya:n*. Ia dapat menonjolkan sesuatu yang terpendam dan tersembunyi. Ia berperanan ke arah menambahkan kejelasan, menonjolkan kebaikan, keindahan, kejelitaan, kemegahan, kemuliaan dan banyak lagi.

Perkataan *tashbi:h* berasal daripada kata kerja *شبه يشبه تشبيها* yang memberi maksud menjadikan sesuatu itu serupa, sama, sebanding dan beberapa makna lain yang seumpamanya<sup>1</sup>. Ungkapan ini menjelaskan penggunaannya (*هذا شبه هذا*) ini menyerupai yang ini.<sup>2</sup> Ali seperti Ahmad dan ilmu seperti cahaya dan lain-lain seumpamanya.

---

<sup>1</sup> al-Marbawiyy, hlm.313, Lihat juga: al-Busta:niyy, *Munjid al-Tulla:b*, hlm. 354., Lihat juga: Ahmad Warsun Munawwir, hlm. 691-692.

<sup>2</sup> Mustafa et al, hal. 471.

Dari segi istilah pula pakar-pakar *Bala:ghat* Arab telah memberikan berbagai-bagai definisi tentang *tashbi:h*. Di bawah ini dibawakan beberapa definisi tersebut seperti berikut :

al- Qazwi:niyy<sup>1</sup> memberikan definisi pendek iaitu: *Tashbi:h* adalah sesuatu yang menunjukkan bahawa sesuatu perkara dengan perkara yang lain itu berkongsi dari aspek makna.<sup>2</sup>

Ibn Rashi:q :*Tashbi:h* ialah sifat sesuatu perkara yang hampir menyamai dari satu aspek atau beberapa aspek dan bukannya dalam semua aspek kerana jika sesuatu itu mempunyai persamaan pada kesemua aspek maka tidak ada lagi perumpamaan.<sup>3</sup>

Walaupun masing-masing memberi definisi yang berbeza dari segi lafaz, namun ia mempunyai persamaan makna. Daripada definisi-definisi di atas al-Sayyid Ahmad al-Ha:shimiyy telah membuat kesimpulan bahawa *tashbi:h* adalah:

---

<sup>1</sup>al-Qazwi:niyy: Nama penuh beliau ialah Jamal al-Di:n Abu: al-Ma'a:liyy Muhammad Bin 'Abd al-Rahma:n. Beliau adalah daripada kalangan keluarga akademik. Beliau adalah pengarang kitab *bala:ghat* "*al-I:da:h*" dilahirkan pada tahun 666 hijrah. Lihat: al-Khati:b al-Qazwi:niyy, hlm.68.

<sup>2</sup> Ibid, hlm.328. Lihat juga: Ahmad Matlu:b, hlm.32

<sup>3</sup> 'Ati:q, hlm. 61. Lihat juga: Muhammad Husayn Sharshar, hlm.48.

## <sup>1</sup>مُشَارَكَةُ أَمْرٍ لِأَمْرٍ فِي مَعْنَى بِأَدَوَاتٍ مَعْلُومَةٍ

Maksudnya: Sesuatu berkongsi makna dengan sesuatu yang lain dengan menggunakan partikel tertentu.

Jadi, *tashbi:h* di kalangan ahli bala:ghat seolah-olah alat bantu di dalam memberikan penerangan mengenai sesuatu. Ia digunakan dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan serta mengukuhkan sesuatu makna atau sesuatu idea dalam jiwa penerima. Ini dengan cara mengaitkan hubungan antara dua perkara dengan sifat yang sama seterusnya melekatkan sifat bagi yang pertama (yang lebih dikenali) itu pada yang kedua (yang kurang dikenali).<sup>2</sup>

### **Komponen *Tashbi:h***

Dalam setiap ayat yang berunsurkan *tashbi:h* terdapat empat rukun asas iaitu: *al-Mushabbah* (المشبه), *al-Mushabbah bih* (المشبه به), *Ada:t al- Tashbi:h* (اداة التشبيه) dan *Wajh al-Shabah* (وجه الشبه)<sup>3</sup>

*Tarafa: al-Tashbi:h* (طرفا التشبيه)

---

<sup>1</sup> al-Ha:shimiyy, hlm.200.

<sup>2</sup> Ahmad Bassa:m Sa:'i:, hlm.45.

<sup>3</sup> Muhammad Husayn Sharshar, hlm.65.

Walaupun rukun asas *tashbi:h* ada empat kesemuanya namun yang paling utama dalam perumpamaan ialah :*al-Mushabbah* (المشبه) dan *al-Mushabbah bih* (المشبه به). Ini adalah kerana di antara keempat-empat rukun *tashbi:h* yang telah dinyatakan terdapat dua rukun *tashbi:h* yang kadang kala disebutkan dan kadang kala pula dibuang iaitu :*Ada:t al- Tashbi:h* (اداة التشبيه) dan *Wajh al- Shabah* (وجه الشبه).

1) *al- Mushabbah* (المشبه)<sup>1</sup>

*al- Mushabbah* bermaksud sesuatu yang dibandingkan dengan sesuatu yang lain yang mempunyai ciri persamaan. Contohnya: العلم كالنور maksudnya: ilmu itu umpama cahaya. Dalam contoh di atas yang menjadi *mushabbahnya* ialah ilmu. Manakala dalam contoh (فاطمة كالبر في الجمال) maksudnya “kejelitaan Fatimah bak bulan purnama.” Dalam ayat di atas Fatimahlah yang menjadi *mushabbah*.

Penyair Imra’ al-Qays telah menggambarkan suasana malam yang menakutkan dengan katanya :-

وَلَيْلٌ كَمَوْجِ الْبَحْرِ أَرْخَى سُدُولَهُ # عَلَيَّ بِأَنْوَاعِ الْهُمُومِ لِيَتَّيَلَى<sup>2</sup>

<sup>1</sup>al-Ha:shimiyy, hlm.201.

<sup>2</sup> Imra’ al-Qays ialah gelaran bagi Hunduj bin Hujr, merupakan salah seorang penyair yang terunggul pada zaman Jahiliah, beliau ialah salah seorang pemilik al-

maksudnya : Malam bagaikan ombak lautan, yang melabuhkan tirainya, menimpaku berbagai-bagai derita sengsara bagi menguji kesabaranku (apakah aku sabar atau tidak). Dalam puisi di atas Imra' al-Qays telah membanding dan menyamakan malam dengan ombak laut, jadi malam di sini menjadi *mushabbah*.

2) *al- Mushabbah Bih* (المشبه به)<sup>1</sup>

*Mushabbah bih* ialah suatu yang menjadi bahan penyerupaan *mushabbah* seperti : (العلم كالنور). Ilmu itu seperti cahaya. Begitu juga dengan contoh, (فاطمة كالبدن في الجمال)

maksudnya Fatimah cantik laksana bulan purnama. Untuk contoh di atas jelas kepada kita yang menjadi *Mushabbah bih* ialah “النور” iaitu cahaya dan “البدن” iaitu bulan purnama.

3) Partikel *al- Tashbi:h* (أداة التشبيه)<sup>2</sup>

Terdapat empat kumpulan ada;t. kumpulan yang pertama terdiri daripada partikal “*kaf*” dan “*ka’anna*”. Kumpulan yang kedua terdiri daripada kata kerja kala lampau (*fe’l madi*) seperti: *Sha:baha, ma:thala*. Kumpulan yang ketiga pula terdiri daripada kata kerja kala kini seperti: *Yuha:ki, yusha:bihu, yuma:thilu* dan lain-lain

---

Mu‘alaqa:t- iaitu puisi-puisi panjang yang mempunyai nilai seni yang tinggi - yang digantung di Kaabah sebagai memberi penghormatan kepada penuturnya. Lihat: al-Zirikla(Al-Zirikliyy), jld.2, hlm.11.

<sup>1</sup> al-Ha:shimiyy, hlm.201

<sup>2</sup> Ibid, hlm.217

seumpamanya. Manakala kumpulan yang keempat pula terdiri daripada perkataan-perkataan yang diderivasikan daripada kata kerja seperti; *muha:kun*, *musha:bihun*, dan lain-lain seumpamanya.<sup>1</sup>

Kalau dalam bahasa Melayu terdapat banyak partikel perumpamaan yang digunakan seperti, umpama, bak, bagaikan, seolah-olah serta lain-lain, maka dalam bahasa Arab juga digunakan partikel *tashbi:h* tetapi ia mempunyai sedikit perbezaan dengan bahasa Melayu kerana ia dibahagikan kepada beberapa bahagian sepertimana yang disebutkan di atas.

#### 4) Aspek Persamaan / Ciri Setara (وجه الشبه)<sup>2</sup>

Rukun *Tashbi:h* yang keempat ialah *Wajh al-Shabah* iaitu ciri-ciri yang sama pada *mushabbah* dan *mushabbah bih*, atau pun dikatakan juga ciri setara yang terdapat pada *mushabbah* dan *mushabbah bih*. Mengikut Sayyid Ahmad al-Ha:shimiyy dalam bukunya *Jawa:hir al- Bala:ghat*, *Wajh al-Shabah* ialah sifat yang sama-sama dikongsi oleh kedua-dua belah pihak iaitu *mushabbah* dan *Mushabbah bih*, tetapi dengan syarat hendaklah sifat yang ada pada *mushabbah bih* itu lebih kuat dan mantap daripada sifat yang ada pada *mushabbah*. Walau bagaimanapun bukan semua ayat perumpamaan mengandungi *wajh al-shabah*.

---

<sup>1</sup> Muhammad Husayn Sharshar, hlm.147.

<sup>2</sup> al-Ha:shimiyy, hlm.217 & 219.

## Tujuan *Tashbi:h*/Perumpamaan

Bagi setiap orang yang membuat perumpamaan sudah semestinya ada terselit di hatinya tujuan atau sebab-sebab di sebalik perumpamaan yang dilakukan. Jadi tujuan *tashbi:h* yang dibuat merujuk kepada dua perkara iaitu :<sup>1</sup>

### 1. Tujuan-tujuan perumpamaan yang merujuk kepada *Mushabbah*.

Tujuan serta maksud yang merujuk kepada *mushabbah* adalah yang paling banyak berbanding dengan tujuan yang merujuk kepada *mushabbah bih*. Tujuan serta maksud *tashbi:h* yang kembali kepada *mushabbah* terbahagi kepada tujuh<sup>2</sup> : بيان حال المشبه iaitu menjelaskan keadaan *mushabbah*, بيان مقدار المشبه iaitu menerangkan kadar *mushabbah*, بيان امكان المشبه iaitu: maksudnya kemungkinan berlakunya sesuatu pada *al-mushabbah*, تقرير حال المشبه iaitu menegaskan keadaan *al-mushabbah*, تزيين المشبه iaitu memperindah *al-mushabbah*, تقبيح المشبه iaitu memburukkan *al-mushabbah* dan استطراف المشبه iaitu menjadikan *mushabbah* menarik dan menawan.

### 2. Tujuan-tujuan perumpamaan yang merujuk pada *mushabbah bih*<sup>3</sup>.

Tujuan-tujuan perumpamaan yang merujuk kepada *mushabbah bih* berlaku dalam dua keadaan : iaitu *tashbi:h maqlu:b* yang akan menjadikan maknanya

---

<sup>1</sup> Ha:mid ‘Awni, hlm.63. Lihat juga; Muhammad Husayn Sharshar, hlm.159-172.

<sup>2</sup> Muhammad Husayn Sharshar, hlm.160.

<sup>3</sup> Ibid, hlm.167.



lebih kuat dan satu lagi ialah bertujuan memberikan penekanan kepada *mushabbah bih*.

### ***Tashbi:h dan Mathal***

*Tashbi:h* adalah merupakan perumpamaan yang dibuat untuk menampakkan kesamaan dan keserupaan antara dua perkara atau dua pihak. Perumpamaan yang dibuat akan meningkatkan lagi atau menjadikan sesuatu yang diumpamakan itu lebih kuat dan lebih jelas. Ia merupakan sesuatu yang dipelajari dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam percakapan, penyampaian, penerangan, penjelasan dan sebagainya.

*Tashbi:h* adalah permulaan bagi sesuatu *mathal*. Kesemua *mathal* berasal daripada *tashbi:h*. Ayat-ayat *tashbi:h* yang telah digugurkan daripadanya partikal *tashbi:h* dan juga *mushabbah* akan bertukar namanya kepada *isti'a:rat*. *Isti'a:rat* yang mantap dan digunakan secara meluas tanpa sebarang batas sempadan dipanggil *mathal*. Dan penggunaan *mathal* pula adalah kekal dengan susunan, ciri serta perkataan asal tanpa dilakukan sebarang penyesuaian kepadanya. Sebarang perubahan yang dilakukan akan menghilangkan identitinya sebagai *mathal*.

### 2.1.2 *Isti‘a:rat* (الإستعارة)/Metafora

Makna *Isti‘a:rat* dari segi bahasa ialah “minta pinjam”, ia berasal dari kata kerja ( استعار - يستعير - استعارة ) yang memberi maksud seorang meminta daripada seorang yang lain supaya meminjamkan sesuatu kepadanya.<sup>1</sup>

Manakala pengertian dari segi istilah ilmu *al-baya:n* ialah “penggunaan sesuatu kata sebagai ganti kepada kata yang lain kerana adanya kaitan atau hubungan keserupaan dan tanda yang membuktikan penggunaan kata tersebut”, seperti penggunaan kata ( الأسد ), iaitu singa yang menggambarkan keberanian.<sup>2</sup>

*Isti‘a:rat* juga adalah satu bahagian dari *maja:z lughawiyy*, dimana ia adalah *tashbih* yang dibuang salah satu daripada dua rukun asasnya iaitu *mushabbah*. Oleh itu hubungan antara makna *haqi:qiyy* dan makna *maja:ziyy* adalah *musha:bahat* iaitu kesamaan atau keserupaan.<sup>3</sup>

Manakala *isti‘a:rat* menurut ‘Abd al-Hami:d Muhammad ‘Ubaysiyy: ia adalah satu bentuk *maja:ziyy* yang mempunyai makna keserupaan yang nyata dan dapat difahami dari susunan ayat yang tidak mempunyai kata *tashbi:h* atau perumpamaan. Inilah yang dikatakan keistimewaan *isti‘a:rat* dimana tidak wujud

---

<sup>1</sup> Mustafa et al, hlm.636.

<sup>2</sup> Ibid, hlm.636.

<sup>3</sup> Mukhlas al-Syarkani, hlm.65.

segala ciri-ciri *tashbi:h* secara jelas dalam susunan ayat tetapi diperoleh dari pemerhatian dan penelitian kandungan dan maksud ayat.<sup>1</sup>

Menurut ‘Abd al:Qa:hir dalam kitabnya *Asra:r al-Bala:ghat*, beliau memberikan definisi *isti‘a:rat* seperti berikut:

أَنْ يَكُونَ لَفْظِ الْأَصْلِ فِي الْوَضْعِ اللَّغْوِيِّ مَعْرُوفًا ، تَدُلُّ الشَّوَاهِدُ عَلَى أَنَّهُ اخْتَصَّ بِهِ حِينَ وُضِعَ ثُمَّ  
يَسْتَعْمِلُهُ الشَّاعِرُ أَوْ غَيْرُ الشَّاعِرِ فِي غَيْرِ ذَلِكَ الْأَصْلِ وَيَنْقُلُ إِلَيْهِ نَقْلًا غَيْرَ لَازِمٍ فَيَكُونُ هُنَاكَ  
كَالْعَارِيَةِ<sup>2</sup>

Maksudnya “ bahawa lafaz asal yang diletakkan sudah dikenali dengan ada bukti-bukti terhadapnya, kemudian penyair atau bukan penyair menggunakan lafaz tersebut bukan untuk makna asal dan berpindah menjadi makna lain, maka jadilah apa yang dipanggil peminjaman ( العارية )”.

Muhammad Sha:kir menjelaskan bahawa: “*isti‘a:rat* sebenarnya ialah, anda hendak membuat *tashbi:h* sesuatu dengan sesuatu yang lain, tetapi anda tidak melakukan dengan cara *tashbi:h* yang sebenarnya malahan terus membawa dengan *mushabbah bih* ( المشبه به ). Contohnya; ( رأيت رجلا هو كالأسد في شجاعته ) maksudnya, saya melihat seorang lelaki yang berani seperti singa. Namun kamu

---

<sup>1</sup>al-‘Ubaysiyy, hlm.389.

<sup>2</sup>al-Jurja:niyy, hlm.123.

tidak menggunakan ayat tersebut bahkan terus menyebut, ( رأيت أسدا ) maksudnya, saya melihat singa”<sup>1</sup>.

Kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa *isti'a:rat* termasuk dalam kelompok *maja:z lughawiyy* ( مجاز لغوي ) mengikut pendapat kebanyakan ahli bahasa Arab, kerana gaya bahasa *isti'a:rat* digunakan bagi sesuatu yang dikatakan mempunyai ciri-ciri persamaan ( *musha:bahat* ) antara peminjam dengan yang dipinjam. Ia juga memerlukan pentakwilan makna di sebalik lafaz yang digunakan dan bukan memberi pengertian makna secara zahir.

### **Rukun-Rukun *Isti'a:rat***

Pada dasarnya rukun-rukun *isti'a:rat* juga berkait rapat dengan apa yang dikenali sebagai *mushabbah* dan *mushabbah bih* dalam cabang ilmu *al-baya:n* yang lain, iaitu *tashbi:h* dan ia disebut 'dua rukun asas *tashbi:h*. Secara jelasnya antara rukun *Isti'a:rat* adalah seperti berikut:

a) *Musta'a:r minhu* ( المستعار منه ), iaitu zat *Mushabbah bih* dalam uslub *tashbi:h*, contohnya; ( قاد الجيش أسد ) iaitu singa, diambil daripadanya suatu sifat dan dipinjamkan kepada pihak lain.

---

<sup>1</sup> al-Jurja:niyy, hlm.116.

b) *Musta‘a:r lahu* ( المستعار له ), iaitu zat *mushabbah* atau berasal dari *Mushabbah* dalam uslub *tashbi:h*, iaitu peminjaman sifat berani ( *Musta‘a:r minhu* ) dari haiwan tersebut untuk dikaitkan terhadap tentera ( *Musta‘a:r lahu* ).

c) *Musta‘a:r* ( المستعار ) iaitu lafaz “ أسد “, peminjaman sifatnya ( berani ) untuk dipadankan dengan pihak lain ( *musta‘a:r lahu* ).

d) *al-Ja:mi‘* ( الجامع ) iaitu pusat pentakwilan dalam konteks makna di sebalik ayat di antara *Musta‘a:r lahu* dan *Musta‘a:r minhu* dan peranannya seperti mana *wajh al-syabah* dalam *tashbi:h*.<sup>1</sup>

Setiap *isti‘a:rat* terbentuk daripada pengguguran salah satu *tarafa: tashbi:h* yang diklasifikasi dan dinamakan dengan berbagai-bagai jenis nama yang lain secara lebih spesifik berdasarkan kedudukan lafaz ataupun *musta‘a:r lahu* dan *musta‘a:r minhu* yang akan dibentangkan oleh penulis di bawah berdasarkan pada kajian-kajian yang dilakukan oleh pakar bahasa.<sup>2</sup>

### **Pembahagian Bentuk *Isti‘a:rat* Kepada *Tasri:hiyyat* Dan *Makniyyat***

Seperti yang dijelaskan bahawa *isti‘a:rat* adalah satu bahagian dari *maja:z lughawiyy* dan ia dibuang satu daripada dua rukun asasnya. Oleh yang demikian, hubungan antara makna *haqi:qiyy* dengan makna *maja:ziyy* adalah *musya:bahat*

---

<sup>1</sup>al-‘Ubaysiyy, hlm.392-393.

<sup>2</sup>al-Sakka:kiyy, hlm.370.

selamanya. Perletakan nama keduanya berdasarkan penyebutan salah satu daripada dua rukun asasnya ( *mushabbah* dan *mushabbah bih* ) dari segi perbandingan dalam ayat.

*Isti'arat Tasri:hiyyat* ( الاستعارة التصريحية ). *Isti'arat* ini bererti satu bentuk *isti'arah* yang disebut lafaz *mushabbah bih*.

*Isti'a:rat Makniyyat* ialah *isti':rat* yang dibuang *mushabbah bihnya* dan sebagai isyarat ditetapkan salah satu sifat khasnya.

### **Pembahagian *Isti'a:rat* Kepada *Asliyyat* Dan *Tab'iyyat***

Kedua bentuk *isti'a:rat* ini dilihat dari sudut jenis lafaz yang digunakan di dalam ayat. Jenis-jenis lafaz atau kalimah itulah yang menentukan sama ada ianya *asliyyat* atau *tab'iyyat*.

*Isti'a:rat Asliyyat* ( الإستعارة الأصلية )

*Isti'a:rat Asliyyat* ialah *Isti'a:rat* yang menggunakan lafaz atau kata yang dipinjamkan dari kalimah *ism ja:mid* ( اسم جامد ), iaitu kata nama yang bukan diambil daripada kata kerja ( الفعل ), seperti حجر, درهم, سكين. dan dari jenis *masdar fi'il thula:thiyy* seperti <sup>1</sup> درس, قراءة

---

<sup>1</sup>Ya'qu:b, 1988, *Mawsu:'at al-Nahw Wa al-Sarf Wa al-I'ra:b*, hlm.62.

*Isti'a:rat Tab'iyyat* ( الاستعارة التبعية )

*Isti'a:rat tab'iyyat* ialah *Isti'a:rat* yang menggunakan lafaz yang dipinjamkan itu dari jenis *fi'l* ( فعل ), *ism mushtaq* ( اسم المشتق ) atau dari jenis *harf* ( حرف )<sup>1</sup>

### ***Isti'a:rat Tahakkumiyat Dan Tamli:hiyyat***

Kedua-dua *Isti'a:rat* ini berdasarkan pada makna tersirat di sebalik yang tersurat. Menurut pendapat al-Sheikh al-Dusu:qiyy, jika tujuannya untuk mempersendakan seseorang, ia dinamakan الاستعارة التَّهْكُمِيَّة (*isti'a:rat tahakkumiyat*) dan jika tujuannya untuk melapangkan dada atau menghilangkan keresahan seseorang, dinamakan الاستعارة التَّمْلِيحِيَّة (*isti'a:rat tamli:hiyyat*).

Menurut al-Qazwi:niyy, *Tamli:hiyyat* ialah lafaz yang digunakan untuk makna yang berlawanan dengan makna *haqi:qiyy*. Manakala makna *tahakkum* dari segi bahasa, menurut Yahya bin Hamzat ialah gambaran kemarahan yang bersangatan terhadap seseorang yang dihina dengan menjatuhkan kedudukan dan imejnya.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Muhammad Husayn Sharshar, hlm.197.

<sup>2</sup>al-'Akka:wiyy, hlm.103.

*Isti‘a:rat Tamthi:liyyat* ( الاستعارة التمثيلية )

*Isti‘a:rat Tamthi:liyyat* ( Perumpamaan/peribahasa ) adalah suatu susunan kalimat yang digunakan bukan pada makna asalnya kerana ada hubungan keserupaan antara makna asal ataupun makna *maja:ziyy*, disertai dengan adanya *qari:naṭ* atau petanda yang menyekat pemahaman terhadap kalimat tersebut dengan maknanya yang asal<sup>1</sup>.

al-Sakka:kiyy menamakan *isti‘a:rat tamthi:liyyat* sebagai *isti‘a:rat tahqi:qiyyat* ( الإستعارة التحقيقية )

Contohnya, puisi yang diungkapkan oleh al-Mutanabbiy berbunyi:

وَمَنْ يَكُ ذَا فَمٍ مُّرٍّ مَرِيضٍ # يَجِدُ مُرّاً بِهِ الْمَاءَ الزُّلَّالاً.<sup>2</sup>

Maksudnya: Sesiapa yang mengalami pahit mulut kerana sakit, air yang sedap dirasainya pahit”.

Bait puisi ini bukanlah digunakan untuk makna *haqi:qiyy*, tetapi ditujukan kepada orang-orang yang mencela puisinya, kerana pencela tidak memiliki bakat berpuisi. Jadi, susunan kalimat tersebut adalah *maja:ziyy* dengan adanya kaitan makna keserupaan. *Mushabbahnya* (*Musta‘a:r lahu*) adalah keadaan orang mencela puisinya dan *Mushabbah bih* (*Musta‘a:r minhu*) adalah keadaan orang sakit yang

---

<sup>1</sup> Muhammad Husayn Sharshar, hlm.241.

<sup>2</sup>al-‘Akka:wiyy, hlm.102.



air tawar pun dirasakan pahit. *Qari:nat*nya adalah *ha:liyyat*. *Isti'a:rat* ini dinamakan *isti'a:rat tamthi:liyyat*.<sup>1</sup>

Ringkasnya, *isti'a:rat* ini mempunyai nilai yang lebih tinggi di dalam membuat perumpamaan kerana memerlukan pemerhatian yang lebih teliti hasil daripada pengguguran *Mushabbah* (*Musta'a:r lahu*). Ia berasal dari *tashbih tamthi:liyy* yang menyebut kedua-dua daripada dua rukun asasnya (*Mushabbah dan Mushabbah bih*).

### ***Isti`a:rat Tamthi:liyyat Dan Mathal***

*Isti'arat Tamthi:liyyat* apabila penggunaan telah mantap dan meluas serta diketahui umum, ia menjadi *mathal*. Penggunaannya terus dalam bentuk asalnya tanpa dilakukan ke atasnya sebarang penyesuaian sama ada dari aspek gaya bahasa mahupun aspek nahu. Contohnya: الصَّيْفُ ضَيَّعَتِ اللَّبَنَ yang bermaksud: Musim panas engkau telah menghilangkan (membuang) susu. Ganti nama “*ta:*” dikekalkan dengan baris di bawah walaupun diucapkan kepada lelaki.

Kesemua *mathal* tergolong dalam *isti'a:rat tamthi:liyyat*. Akan tetapi bukannya semua *Isti'a:rat Tamthi:liyyat* itu menjadi *mathal*.

---

<sup>1</sup> Ahmad Matlu:b, hlm.144 .

### 2.1.3 *Kina:yaṭ*

*Kina:yaṭ* adalah daripada perkataan كِنَا يَكْنِي كُنْيَةً yang bermaksud memanggil dengan panggilan yang tertentu, menggelar dengan gelaran yang tertentu atau menamakan dengan nama tertentu yang bukan nama sebenarnya dan lain-lain seumpamanya.<sup>1</sup>

Dengan makna yang lebih luas *kina:yaṭ* didefinisikan seperti berikut:

أَنْ تَتَكَلَّمَ بِالشَّيْءِ وَتُرِيدُ غَيْرَهُ<sup>2</sup>

Maksudnya: Bercakap dengan menyebut sesuatu tetapi mempunyai maksud yang lain.

Para ulama *bala:ghaṭ* memberikan berbagai-bagai definisi untuk *kina:yaṭ*. Walau bagaimanapun Ahmad al-Na:di; Syu‘laṭ telah meringkaskan dalam ungkapan yang berikut:

لَفْظٌ أُطْلِقَ وَ أُرِيدَ بِهِ لِأَزْمِ مَعْنَاهُ الْحَقِيقِيِّ لِقَرِينَةٍ لِأَتَمَنَعُ  
مِنْ إِرَادَةِ هَذَا الْمَعْنَى الْحَقِيقِيِّ مَعَ الْمَعْنَى الْمُرَادِ<sup>3</sup>

Maksudnya: Sesuatu lafaz diungkapkan dengan menghendaki sesuatu yang melazimi maknanya yang sebenar, dengan terdapatnya petanda yang tidak

<sup>1</sup> Ahmad Warsun Munawwir, hlm.1235.

<sup>2</sup> Syu‘laṭ, hlm.8.


<sup>3</sup> Ibid, hlm.18.

menghalang daripada memfokuskan makna sebenar ini terhadap makna yang dikehendaki.

Dengan demikian *kina:yat* berlaku apabila seseorang itu mempunyai sesuatu perkataan ataupun ungkapan yang ingin diperkatakan. Akan tetapi lafaz, perkataan atau ungkapan tersebut ditinggalkan. Dan tempat itu digantikan dengan sesuatu lafaz lain yang boleh memberikan maksud ke arah yang dikehendaki. Lafaz lain itu hendaklah mempunyai sesuatu yang melazimi sesuatu yang ingin diperkatakan oleh seseorang itu (di peringkat permulaannya).

Di sini dibawakan beberapa contoh untuk menjelaskannya:

Pertama: Contoh daripada al-Qur'an al-Karim:



Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu solat, sedang kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu mengerti apa yang kamu ucapkan, (jangan

---

<sup>1</sup> al-Nisa:’, 4:43.

pula hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub[menurut sebahagian ahli tafsir dalam ayat ini termuat juga larangan untuk bersembahyang bagi orang junub yang belum mandi.], terkecuali sekadar lalu saja, hingga kamu mandi. Dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir atau datang dari tempat buang air atau kamu telah menyentuh perempuan, Kemudian kamu tidak mendapat air, maka bertayamumlah kamu dengan tanah yang baik (suci); sapulah mukamu dan tanganmu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf lagi Maha Pengampun.

Dalam ayat di atas, ayat *اولامستم النساء*<sup>1</sup> (atau kamu telah menyentuh perempuan) merupakan *kina:yat*. Yang dimaksudkan dengannya adalah persetubuhan. Oleh sebab perbuatan menyentuh adalah suatu yang melazimi perbuatan bersetubuh. Persetubuhan tidak akan berlaku tanpa sentuhan.

Penggunaan *uslu:b kina:yat* mempunyai beberapa sebab antaranya adalah untuk mengelakkan penyebutan sesuatu yang tidak sedap didengar<sup>2</sup>. Sehubungan dengan

---

1

أو لامستم النساء وفي قراءة بلا ألف وكلاهما بمعنى اللمس هو الجس باليد قاله ابن عمر وعليه الشافعي وألحق به الجس بباقي البشرة وعن ابن عباس هو الجماع الطبري: حدثنا ابن بشار قال ، حدثنا وهب بن جرير قال ، حدثنا أبي ، عن قتادة ، عن سعيد بن جبیر قال : اختلفت أنا و عطاء و عبيد بن عمير في قوله : أو لامستم النساء ، فقال عبيد بن عمير : هو الجماع . وقلت أنا وعطاء : هو اللمس . قال : فدخلنا على ابن عباس فسألناه فقال : غلب فريق الموالي ، وأصابت العرب ، هو الجماع ، ولكن الله يعف ويكفي .

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=4&TafseerNo=1&yaNo=43>

<sup>2</sup> Mukarram, hlm. 319.

ayat di atas persetubuhan digantikan dengan perkataan sentuh. Ini menjadikannya lebih selesa apabila didengar.

Kedua: Contoh dari puisi:

Khansa:’ ketika memuji saudaranya Sakhr telah mengungkapkan bait puisi yang berikut:

طَوِيلُ النَّجَادِ رَفِيعُ الْعِمَادِ      كَثِيرُ الرَّمَادِ إِذَا مَا شَتْنَا<sup>1</sup>

Maksudnya: Memiliki penyangkut pedang yang panjang, mempunyai tiang yang tinggi serta mempunyai abu yang banyak apabila tiba musim sejuk.

Di sini Khansa:” ingin menggambarkan bahawa saudaranya merupakan seorang yang berani dengan menggunakan ungkapan طویل النجاد yang bermaksud orang yang memiliki penyangkut pedang yang panjang. Orang jenis ini pada lazimnya memiliki pedang yang panjang, orang yang memiliki pedang yang panjang lazimnya orang yang tinggi dan orang yang tinggi lazimnya memiliki sifat keberanian dan kepahlawanan. Jadi ungkapan di atas digunakan untuk menunjukkan kepahlawanan dan keberanian.

Manakala ungkapan yang kedua dalam bait di atas berbunyi رفیع العماد. Ungkapan ini digunakan oleh Khansa:’ dalam menggambarkan kedudukan yang tinggi yang

---

<sup>1</sup> Mukarram, hlm. 311.

dimiliki oleh saudaranya. Sesuatu yang mempunyai tiang yang tinggi lazimnya mempunyai kedudukan yang tinggi.

Dalam menggambarkan sifat pemurah yang dimiliki oleh saudaranya itu Khansa:’ menggunakan ungkapan كثير الرماد yang membawa maksud banyak abu. Ini adalah kerana pada lazimnya, banyak abu itu datangnya daripada banyak membakar kayu api, pembakaran kayu api pada lazimnya kerana banyak memasak, dan banyak memasak pula pada lazimnya banyak membuat jamuan untuk orang ramai. Perbuatan banyak menjamu orang ramai itu menunjukkan seseorang itu memiliki sifat pemurah.

### ***Kina:yaṭ Dan Mathal***

Ungkapan-ungkapan yang seumpama ini apabila ia digunakan secara meluas ianya akan menjadi *mathal*. Terutama sekali ungkapan-ungkapan yang boleh diperluaskan penggunaannya dalam berbagai-bagai keadaan, tempat dan persekitan.

#### **2.1.4 Hikam**

Ramai orang menganggap bahawa *hikam* dan *mathal* adalah perkara yang sama. Hal ini kerana dari segi pengungkapannya, kedua-duanya diungkap bersama iaitu حكم وامثال yang bermaksud “kata-kata hikmat dan *mathal*. Keadaan yang

seumpama ini dapat dilihat antaranya dalam buku *Hikmat al-Ajda:d*<sup>1</sup> dan juga kitab *al-Amtha:l wa al-Hikam*.<sup>2</sup>

Jika dilihat kepada peranan yang dimainkan oleh kedua-duanya anggapan tersebut ada juga kebenarannya. Akan tetapi apabila dilihat kepada pengungkapan, pembentukan serta latar belakang, antara keduanya mempunyai perbezaan yang jelas dan setiap satunya memiliki cirinya yang tersendiri.

Dari segi bahasa perkataan *hikam* adalah kata jamak kepada perkataan *hikmat* yang bermaksud hikmat dan kebijaksanaan.<sup>3</sup>

Manakala definisi dari segi istilahnya pula berbunyi:

الحِكْمَةُ قَوْلٌ مُّوجِزٌ صَائِبٌ الْفِكْرَةَ رَائِعٌ التَّعْبِيرِ يَتَضَمَّنُ مَعْنَى سَلِيمًا  
يَهْدِفُ السَّالِحِينَ وَالصَّوَابَ وَهِيَ تَصَدُّرٌ عَنِ تَقَافَةٍ أَوْ حَبْرَةٍ وَتَجْرِبَةٍ<sup>4</sup>

Maksudnya: Kata-kata hikmat adalah kata-kata yang ringkas, mengandungi idea yang tepat, diungkapkan dengan ungkapan yang menarik, mengandungi makna yang baik dan bermatlamatkan sesuatu yang baik dan betul. Ia lahir daripada sesuatu pengetahuan kebudayaan yang tertentu ataupun sesuatu pengalaman.

---

<sup>1</sup> Ahmad Suaylim, 1990, *Hikmat al-Ajda:d*, Mu'assasat al-Khali:j al-'Arabiyy, Kaherah, Mesir, cet.1.

<sup>2</sup> Muhammad bin Abi: Bakr al-Ra:ziyy (ed: 'Abd al-Razza:q Husayn, 1986, *Kita:b al-Amtha:l wa al-Hikam*, Da:r al-Bashir, Amman, cet,1

<sup>3</sup> Ahmad Warsun Munawwir, perkara حكم.

<sup>4</sup> Saqar, hlm.57.

Sehubungan dengan ini dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang mengandungi perkataan hikmat dengan pemakaian makna yang hampir sama sepertimana yang terdapat dalam definisi di atas, antaranya ialah:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ ارْجِعُوا إِلَىٰ رَبِّكُمْ ذَلِكُمْ هُوَ الْبَاطِلُ الَّذِي إِتَّخَذْتُمْ لَكُمْ سُبُلًا ۚ بَدِيعَ السَّمٰوٰتِ وَآرَظٍ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يُرِيدُ أَن يُعِيدَكُمْ فِيهِ ۚ﴾<sup>1</sup>

Maksudnya:.. Serulah (manusia) kepada jalan tuhanmu dengan hikmah[Hikmah: ialah perkataan yang tegas dan benar yang dapat membedakan antara yang hak dengan yang bathil] dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik.

Manakala dalam ayat lain pula berbunyi:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْبِرُّ بِالصَّالِحِينَ الَّذِينَ إِتَّخَذُوا لِقَابِ رَبِّهِمْ حُجُجًا صَالِحًا ۚ هُمُ الَّذِينَ يُؤْتُونَ مَالَهُمُ الْفُقَرَاءَ وَيَدْعُوهُمْ إِلَىٰ الصَّبْرِ وَهُمْ هُمُ السَّابِقُونَ ۚ﴾<sup>2</sup>

<sup>1</sup> al-Nahl, 16:125.  
فتح القدير: ادع إلى سبيل ربك وحذف المفعول للتعميم لكونه بعث إلى الناس كافة، وسبيل الله هو الإسلام الحكمة أي بالمقالة المحكمة الصحيحة، قيل وهي الحجج القطعية المفيدة لليقين والموعظة الحسنة وهي المقالة المشتملة على الموعظة الحسنة التي يستحسنها السامع وتكون في نفسها حسنة باعتبار انتفاع السامع بها. قيل وهي الحجج الظنية الاقناعية الموجبة للتصديق بمقدمات مقبولة، قيل وليس للدعوة إلا هاتان الطريقتان، ولكن الداعي قد يحتاج مع الخصم الألد إلى استعمال المعارضة والمناقضة ونحو ذلك من الجدل.


<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=16&TafseerNo=1&ayaNo=125> (dis 2007)

<sup>2</sup> Al-Baqarat, 2:269  
الجلالين: يؤتي الحكمة اي العلم النافع المؤدي إلى العمل من يشاء ومن يؤت الحكمة فقد أوتي خيرا كثيرا لمصيره إلى السعادة الأبدية وما يذكر فيه إدغام التاء في الأصل في الذال يتعظ إلا أولو الألباب أصحاب العقول.



Maksudnya: Allah menganugerahkan *al-hikmat* (kefahaman yang mendalam tentang al-Qur'an dan al-Sunnat) kepada siapa yang dikehendaki-Nya. dan barang siapa yang dianugerahi hikmah, ia benar-benar telah dianugerahi kurniaan yang banyak. dan hanya orang-orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pelajaran (dari firman Allah).

Dalam ayat lain pula Allah SWT berfirman:



فتح القدير: قوله يؤتي الحكمة هي العلم، وقيل: الفهم وقيل: الإصابة في القول، ولا مانع من الحمل على الجميع شمولاً أو بدلاً، وقيل: إنها النبوة، وقيل: العقل، وقيل: الخشية، وقيل: الورع وأصل الحكمة ما يمنع من السفه، وهو كل قبيح. والمعنى: أن من أعطاه الله الحكمة فقد أعطاه خيراً كثيراً: أي عظيماً قدره جليلاً خطره. وقرأ الزهري ويعقوب ومن يؤتي الحكمة على البناء للفاعل وقرأ الجمهور على البناء للمفعول والألباب: العقول، واحدها لب، وقد تقدم الكلام فيه. البيضاوي: يؤتي الحكمة تحقيق العلم وإتقان العلم. من يشاء مفعول أول آخر للإهتمام بالمفعول الثاني ومن يؤت الحكمة بناؤه للمفعول لأنه المقصود. وقرأ يعقوب بالكسر أي ومن يؤته الله الحكمة. فقد أوتي خيراً كثيراً أي: خير كثير؟ إذ حيز له خير الدارين. وما يذكر وما يتعظ بما قص من الآيات، أو ما يتفكر، فإن المتفكر كالمتذكر لما أودع الله في قلبه من العلوم بالقوة. إلا أولو الألباب ذوو العقول الخالصة عن شوائب الوهم والركون إلى متابعة الهوى.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showsinglepage.php?Pageno=45>(Dis 2007)

<sup>1</sup> Luqma:n:31:12.

الجلالين: ولقد آتينا لقمان الحكمة منها العلم والديانة والإصابة في القول، وحكمه كثيرة مأثورة، كان يفتي قبل بعثه داود وأدرك بعثته وأخذ عنه العلم وترك الفتيا وقال في ذلك: ألا أكتفي إذا كفيت، وقيل له أي الناس شر؟ قال: الذي لا يبالي إن رآه الناس مسيئاً أن أي وقلنا له أن اشكر الله على ما أعطاك من الحكمة ومن يشكر فإنما يشكر لنفسه لأن ثواب شكره له ومن كفر النعمة فإن الله غني عن خلقه حميد محمود في صنعه.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=31&TafseerNo=1&ayaNo=12>(Dis 2007)

Maksudnya: Dan Sesungguhnya telah kami berikan hikmat kepada Luqman.  
"Bersyukurlah kepada Allah. dan barangsiapa yang bersyukur (kepada Allah),  
Maka sesungguhnya ia bersyukur untuk dirinya sendiri; dan barang siapa yang  
tidak bersyukur, Maka Sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha terpuji".

Sehubungan dengan ini Rasulullah SAW telah bersabda:

الحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا<sup>1</sup>

Maksudnya: Kata-kata hikmat itu adalah barang hilang bagi orang mukmin.  
Sesiapa yang menemuinya dialah yang berhak ke atasnya.

Sumber *hikam* adalah para pemikir dan bijak pandai yang telah dikenali dengan  
buah fikirannya yang bernas, asli, dalam serta teliti di dalam pemikiran mereka.  
Mereka mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap kehidupan serta  
berbagai peristiwa dan pengalaman yang berkaitan dengannya.

---

<sup>1</sup><http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=الحكمة%20ضالة%20المؤمن&Scope=MainBook&StartNo=1> (Jan 2008)

حديث رقم: 2687 سنن الترمذي ، كتاب العلم عن رسول الله < باب ما جاء في فضل الفقه على العبادة  
حدثنا محمد بن عمر بن الوليد الكندي حدثنا عبد الله بن نمير عن إبراهيم بن الفضل عن سعيد المقبري عن أبي هريرة قال  
قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : (الحكمة ضالة المؤمن فحيث وجدها فهو أحق بها قال أبو عيسى هذا حديث غريب  
لا نعرفه إلا من هذا الوجه وإبراهيم بن الفضل المدني المخزومي يضعف في الحديث من قبل حفظه كمل كتاب أبواب العلم  
ويليه كتاب الاستئذان). قال الترمذي : حديث غريب

Didapati orang-orang Arab dahulu saling memperingati dan menasihati dengan menggunakan kata-kata hikmat. Mereka amat mengambil berat tentangnya dengan menghafal ungkapan-ungkapannya serta meriwayatkan ungkapan-ungkapan tersebut daripada satu generasi ke generasi yang berikutnya serta memelihara kelangsungan penggunaannya dalam pertuturan mereka. Hal ini adalah kerana hikmat itu merupakan ungkapan yang terletak di atas neraca yang betul, dengan ungkapan yang benar serta memiliki kelojikan yang tepat.<sup>1</sup>

Walaupun beberapa ciri dikongsi sama oleh *hikam* dan *mathal* namun ia mempunyai perbezaan-perbezaan dari segi penggunaannya. Makna pada ungkapan *hikam* kekal pada ungkapan asalnya dan tidak berpindah kepada makna yang lain. Ia berpindah kepada kes-kes lain yang serupa. Manakala makna *mathal* berpindah daripada makna asal yang terdapat dalam ungkapan kepada makna-makna yang lain yang mempunyai kesamaan.

#### **2.1.5 *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat***

*al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* tidak termasuk dalam bidang pengajian ini, namun penulis merasakan ia perlu didedahkan dengan ringkas dalam kajian ini memandangkan terdapatnya banyak persamaan antara *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* ini dengan *mathal*. Persamaan tersebut terdapat dalam ciri-ciri kedua-duanya dari

---

<sup>1</sup> Yu:nus, hlm.90.

segi pengungkapan yang ringkas, kekemasan susunan, mempunyai maksud yang mendalam dan meluas, penggunaan yang tidak terhad, melampaui batas masa dan sempadan geografi dan banyak lagi.

*al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* terletak dalam bidang ilmu feqah, usul fiqh dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Walau bagaimanapun dalam banyak hal ia boleh diterima pakai dan disesuaikan dengan bidang-bidang lain secara khusus dan juga dalam kehidupan individu dan masyarakat secara umumnya.

Untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* dan aspek-aspek perbezaan dan persamaan antaranya dengan *mathal*, penulis mengemukakan di sini beberapa perkara yang berkaitan dengannya seperti definisi yang boleh menggambarkan ciri-cirinya yang khusus, tujuan penggubalannya, penggunaannya, contoh-contoh dan beberapa perkara lain yang berkaitan.

Pertamanya penulis mengemukakan definisinya dari segi bahasa dan diikuti dengan definisi dari segi istilahnya.

Perkataan *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* terdiri daripada dua perkataan iaitu *qawa:‘id* dan *Fiqh*. Perkataan *qawa:‘id* adalah kata jamak bagi perkataan *qa:‘idat* . Perkataan

ini mempunyai beberapa erti antaranya ialah, seorang perempuan yang sedang duduk, seorang perempuan yang penyegan dan pemalas, asas, perkara pokok, peraturan, undang-undang, cara, petua, contoh, teladan, ibu negeri, pengkalan, tapak dan lain-lain lagi.<sup>1</sup>

Dalam penentuan dan pemilihan makna yang tepat dengan apa yang dikehendaki oleh penutur atau orang yang mengungkapkannya maka ia hendaklah dirujuk dan dilihat terlebih dahulu kepada kaitan perkataan tersebut dengan ayat dan juga kedudukannya dalam ayat, situasi, masa dan lain-lain yang berkaitan.

Manakala perkataan *Fiqhiyyat* pula adalah berasal daripada katakerja kala lampau *faquha* yang memberi makna antaranya: telah dapat memahami, telah dapat menguasai, telah mendapat ilmu pengetahuan. Manakala perkataan *al-fiqh* memberi makna: kefahaman, ilmu pengetahuan, kepintaran, kebijaksanaan, peraturan, ilmu fekah ia-itu ilmu mengenai hukum-hakam yang telah ditetapkan dan ditentukan oleh Allah SWT di dalam agamanya yang telah diturunkannya kepada Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada seluruh manusia.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Mustafa et al, hlm.748. lihat juga Jubra:n Mas`u:d, *al-Ra:id*, hlm.639 dan 640, dan al-Busta:niyy, *Munjid al-Tulla:b*, hlm.604 dan al-Marbawiyy, hlm.145 dan 146.

<sup>2</sup> Mustafa et al, hlm.698. dan lihat juga Jubra:n Mas`u:d, *al-Ra:id*, hlm.606, dan Fu`ad Ifra:m al-Busta:niyy, *Munjid al-Tulla:b*, Beirut, cet.33, hlm.558 -559 dan al-Marbawiyy, hlm.99

Jadi *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat* bolehlah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai “Kaedah-kaedah Fekah”, Undang-undang Fekah”, “Peraturan-peraturan Fekah”, “Asas-asas Fekah”, “Ketentuan-ketentuan Fekah” dan lain-lain lagi.

Manakala dari segi istilahnya pula, para ulama fiqh mendefinisikannya sebagai: “Suatu hukum atau asas am yang dipakai atau dilaksanakan ke atas keseluruhan cabang-cabang atau bahagian-bahagian ataupun selain dari itu dengan mengambil hukum-hukum darinya (iaitu dari *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat itu*).<sup>1</sup>

Dengan kata lain bahawa *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat* adalah merupakan suatu asas atau peraturan yang digubal oleh ulama fiqh mengenai sesuatu keadaan. Peraturan atau hukum ini dipakai dan dilaksanakan ke atas keadaan-keadaan lain yang serupa atau sama, atau yang boleh diklasifikasikan dalam kelas atau keadaan yang sama atau serupa.

### **Penggubalan *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat***

Penggubalan *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat* dilakukan oleh pakar-pakar hukum fekah. Ianya dilakukan berasaskan kepada apa yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW di dalam hadisnya. Jadi peranan pakar ilmu fekah di dalam penggubalan *al-*

---

<sup>1</sup>Zayda:n, hlm.7.

*Qawa: 'id al-Fiqhiyyat* bukan dari fikiran dan pendapat mereka sendiri, sebaliknya ianya merupakan penyaringan intipati terhadap Hadis Nabi. Ini adalah kerana kadang-kadang sesuatu Hadis itu terkandung di dalamnya sesuatu yang boleh dijadikan peraturan umum. Dengan demikian para ulama fekah telah mengambilnya dan menjadikannya sebagai kaedah umum.

Sebagai contoh kepada apa yang dikemukakan di atas dikemukakan sebuah Hadis Nabi yang mengandungi hukum terhadap suatu perkara yang berlaku. Imam Al-Bukhari telah meriwayatkan daripada Ibad bin Tamim yang diriwayatkan daripada bapa saudaranya, bahawa beliau telah bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai seseorang yang terfikir dengan ragu bahawa beliau mungkin telah terkentut ketika menunaikan sembahyang. Maka jawab baginda Rasulullah: Janganlah ia meninggalkan sembahyangnya sehinggalah dia mendengar bunyinya ataupun terhidu baunya. Hadis ini menunjukkan bahawa sembahyang seseorang itu sah selagi perkara yang membatalkan air sembahyang itu belum diyakini yang ianya telah berlaku.<sup>1</sup>

Sehubungan dengan ini para ulama fiqh telah mendapati bahawa perkara yang berkaitan dengan “yakin berlaku ” yang terdapat dalam Hadis di atas bukanlah dikhususkan kepada dua perkara yang terdapat dalam Hadis itu sahaja, iaitu bau dan bunyi. Malah ia boleh diperluas kepada perkara-perkara lain yang lebih umum yang ada kaitannya dengan keyakinan dan keraguan.

---

<sup>1</sup> Zayda:n, hlm.10

Sehubungan dengan ini Imam Nawa:wiyy berpendapat bahawa Hadis ini merupakan asas kepada hukum tentang kekalnya sesuatu itu mengikut asalnya sehinggalah terdapatnya sesuatu yang meyakinkan bahawa ia telah berubah. Apa yang telah dinyatakan oleh Imam Nawa:wiyy ini adalah merupakan *qa'idat fiqhiyyat*. Sehubungan dengan itu ulama Hanafiyy telah mengungkapkannya dengan “Keyakinan tidak terpadam dengan keraguan” atau dengan kata lain keraguan tidak boleh memadamkan keyakinan.

#### **Ciri-ciri *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat***

Sama seperti *mathal*, *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat* juga mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Ia tidak mempunyai banyak perbezaan dengan apa yang dimiliki oleh *mathal*. Ciri-ciri tersebut mempunyai bilangan perkataan yang sedikit ataupun ringkas lafaznya, tepat dari segi makna, perumpamaan yang baik dan luas dari segi penggunaannya. Ia juga dapat melampaui sempadan masa dan geografi. Ciri-ciri seumpama inilah yang menampakkan adanya persamaan antara *mathal* dengan *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat*.

Sepertimana yang dinyatakan di atas bahawa *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat* berlandaskan dan berlatar-belakangkan kepada Hadis Nabi Muhammad SAW, manakala *mathal* berlatarbelakangkan berbagai-bagai pengalaman yang dilalui



oleh bangsa Arab dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan persekitaran, pemikiran dan kebudayaan mereka.

Pemakaian *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat* pada asalnya sekitar ruang lingkup perkara-perkara yang dikaitkan dengan hukum-hakam dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Manakala penggunaan *mathal* adalah dalam berbagai bidang dan berbagai-bagai aspek yang tiada batasannya.

### **Contoh-contoh *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat***

Di bawah ini dibawa beberapa contoh bagi *al-Qawa: 'id al-Fiqhiyyat* serta penerangan dan penggunaannya:

1- **الْيَقِينُ لَا يَزُولُ بِالشَّكِّ**

Maksudnya: Keyakinan tidak padam dengan keraguan.<sup>1</sup> Maksudnya: sesuatu yang telah diyakini ia tidak harus dipadamkan dengan terdapatnya sedikit keraguan. Sebagai contohnya: Jika seseorang itu telah yakin bahawa dia telah menunaikan sembahyang zohor, tetapi selepas itu berlaku keraguan sama ada dia telah melakukannya ataupun sebaliknya. Dalam keadaan ini beliau tidak perlu melakukan sembahyang itu kerana sebelum ini beliau telah yakin bahawa beliau telah melakukannya. Manakala dalam keadaan seseorang itu yakin yang ianya belum lagi melakukan sembahyang zohor, tiba-tiba selepas itu datang keraguan

---

<sup>1</sup> Zayda:n, hlm.35.

sama ada dia telah melakukannya atau pun belum. Dalam keadaan ini - dengan berpandukan kepada *al-Qawa: id al-Fiqhiyyat* yang ada, dia hendaklah melakukan sembahyang zohor itu. Hal ini kerana sebelum timbulnya keraguan itu beliau telahpun mempunyai keyakinan bahawa beliau belum lagi menunaikannya.

## 2- ذِكْرُ بَعْضِ مَا لَا يَتَجَزَأُ كَذِكْرِ كُلِّهِ

Maksudnya: Menyebut sebahagian daripada sesuatu yang tidak boleh dibahagi dan dipisahkan adalah sama seperti menyebut kesemuanya:<sup>1</sup>

Contoh penggunaannya dalam penetapan hukum ialah: sekiranya pihak wali menggugurkan setengah “*qisas*” (bunuh balas) maka qisas tersebut akan gugur sepenuhnya. Ini adalah kerana qisas tidak boleh dijalankan separuh sahaja ke atas seseorang yang telah disabitkan membunuh. Dalam keadaan ini qisas akan bertukar kepada “*diat*” (ganti rugi). Hal ini kerana *diat* merupakan sesuatu yang boleh dibahagi-bahagi dan dipecahkan. Ganti rugi kerana membunuh adalah sebanyak 100 ekor unta. Jadi separuh diat ialah 50 ekor unta sahaja.

Tetapi sekiranya seseorang penjamin menjamin separuh daripada hutang orang yang dijamin, maka jaminan itu sah dan boleh diterima. Hal ini kerana hutang merupakan sesuatu yang boleh dibahagi dan dipecahkan.

## 3- الْمَشَقَّةُ تُجَلِبُ التَّيْسِيرَ

---

<sup>1</sup>Zayda:n, hlm. 26

Maksudnya: Kesusahan membawa kepada kemudahan<sup>1</sup>.

Dalam penetapan hukum yang berkaitan, kesusahan yang diambil kira ialah kesusahan yang berpunca daripada perjalanan jauh, sakit, paksaan, lupa, kejahilan dan beberapa perkara lain lagi. Sebagai contoh; Kesusahan perjalanan menjadi alasan kepada mendapat kemudahan meninggalkan puasa. Kesusahan sakit menjadi alasan untuk mendapat kemudahan untuk sembahyang dengan cara yang lebih ringkas.

Daripada contoh-contoh yang diberikan itu kita dapati penggunaan *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* adalah untuk tujuan penetapan dan pelaksanaan hukum-hukum syariat. Walau bagaimanapun penggunaannya bukanlah terbatas kepada hal-hal yang berkaitan dengan agama sahaja bahkan ianya boleh diperluaskan penggunaan di dalam berbagai aspek kehidupan apabila terdapatnya sesuatu keadaan yang sesuai dengannya. Jadi apa yang membezakan di antara *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* daripada *mathal* ialah dari segi penggubalannya. *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* dibentuk dan digubal oleh para ulama fiqah berasaskan kepada apa yang terkandung dalam al-Qur’an dan Hadith. Manakala *mathal* terbentuk daripada intipati pengalaman silam bagi sesuatu bangsa.

### ***al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* Dan *Mathal***

---

<sup>1</sup>Zayda:n, hlm.53.

Berdasarkan kepada persamaan ciri di antara *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* dengan *mathal*, *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* boleh bertukar menjadi *mathal* apabila penggunaannya telah meluas dan diterima oleh masyarakat sebagai *mathal*. Jika dibandingkan dengan *tasybi:h*, *kina:yat* dan *isti`a:rat al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* lebih berpotensi dan lebih wajar menjadi *mathal*. Hal ini kerana ia memiliki semua ciri yang dimiliki oleh *mathal*. Yang berbeza hanyalah pada kelahirannya. *Mathal* lahir daripada pengalaman yang dialami oleh sesuatu masyarakat berasaskan kepada sesuatu peristiwa, kejadian dan tragedi sebenar. Manakala *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* lahir daripada pengamatan serta kajian yang mendalam yang dijalankan oleh ahli-ahli feqah. Malahan ramai berpendapat bahawa *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* juga merupakan *mathal*. Apabila dikira dan dilihat kepada para penggubalnya kedudukan *al-Qawa:‘id al-Fiqhiyyat* adalah lebih tinggi daripada *mathal*. Kerana di dalam penggubalannya penggubal telah menjauhi serta mengelakkan daripada berlaku percanggahan hukum sepertimana yang terdapat dalam al-Qur’an dan Hadis.

## **2.2 Peribahasa Arab/*Mathal***

*Mathal* merupakan satu aspek penting dalam bidang bahasa dan budaya. Ia mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan sesuatu bangsa dan mempunyai peranan yang penting dalam memberikan gambaran tentang cara hidup, serta

gambaran tentang berbagai-bagai aktiviti yang dilakukan dan dijalankan oleh bangsa itu.

Selain dari itu *mathal* sesuatu bangsa juga turut memberi gambaran dan mendedahkan keadaan psikologi dan sosiologi bangsa tersebut serta menonjolkan segala amalan hidup dan budi pekerti yang diamal dan dihayati oleh bangsa tersebut.

### **2.2.1 Definisi *Mathal* Dalam Bahasa Arab**

Perkataan *مثال* “*Mathal*” berasal dari rumpun bahasa Samit. Dalam bahasa Arab disebut “*Mathal*” , dalam bahasa Ibrani disebut “*Maasal*”, dalam bahasa Aramit disebut “*Matlaa*” dan di dalam bahasa Habsyah disebut “*Mesel*”<sup>1</sup>.

Perkataan “*Mathal*” dan sejumlah perkataan lain yang diderivasikan daripada perkataan ini dari segi bahasanya mempunyai berbagai-bagai makna. Di sini penulis mengemukakan perkataan-perkataan tersebut dan memberikan makna-makna yang dipakai untuk perkataan-perkataan tersebut. Di samping itu penulis juga meletakkan perkataan-perkataan tersebut dalam ayat dengan tujuan untuk memaparkan pemakaiannya dalam ayat dengan lebih jelas dan tepat.

---

<sup>1</sup> Zelhaim, ( Dalam Osman Khalid), 199, hlm.1

Sepertimana yang tersebut di dalam beberapa kamus Arab umpamanya: *al-Mu`jam al-Wasi:t* karangan Ibrahim Mustafa dan tiga orang yang lain<sup>1</sup>, *al-Ra:'id* oleh Jubra:n Mas`u:d<sup>2</sup>, *Munjid al-Tulla:b* oleh al-Busta:niyy<sup>3</sup> dan *Qa:mu:s al-Marbawiyy* oleh Idris al-Marbawiyy<sup>4</sup> dan lain-lain, perkataan tersebut adalah daripada kata kerja kala lampau *مثَّل* (*mathala*) dan kata kerja kala kini *يُمَثِّل* (*yamthulu*). Manakala katanama terbitannya adalah *مثلا* (*muthulan*) dan mempunyai makna dan pemakaian seperti berikut:

### **Kata kerja:**

1- *مَثَّلَ* (*Mathala*) : Maknanya, berdiri tegak di hadapan seseorang .

Contohnya: *مَثَّلَ عَلِيٌّ أَمَامَ عُمَرَ*

Maksudnya: Ali berdiri tegak di depan Umar atau Ali berada tercegak di depan Umar. Makna lain bagi perkataan ini ialah: Menggantikan tempat seseorang:

Contohnya: *مَثَّلَ أَحْمَدُ عَلِيًّا* . Maksudnya Ahmad menggantikan Ali dengan mengambil tempatnya. Ianya juga memberi makna kesamaan atau keserupaan, contohnya: *مثَّل*

*مثَّلَ عَلِيٌّ أَحْمَدًا* maksudnya : Ali serupa dengan Ahmad. Ia juga memberi makna muncul dan kelihatan, contohnya *مَثَّلَ الْقَمَرُ* yang memberi makna bulan itu muncul dan kelihatan.

---

<sup>1</sup>Mustafa et al, hlm.583 dan 584.

<sup>2</sup>Mas`u:d, hlm.712.

<sup>3</sup> al-Busta:niyy, hlm.710 dan 711.

<sup>4</sup> al-Marbawiyy, hlm.340 dan 341.

2- مَثَلٌ (Mathala): Maknanya, menjadikan sebagai contoh, contohnya: مَثَلُ الرَّجُلِ , maknanya; menjadikan lelaki itu sebagai contoh.

3- مَمَثَلٌ (Mathala): Maknanya, mengudungkan dan menampakkan dengan jelas, contohnya: مَمَثَلٌ بِالْقَتِيلِ yang bermaksud: mengerat dan mengudungkan serta menampakkan dengan jelas kesan perbuatan ke atas orang yang dibunuh supaya ia akan menjadi pengajaran kepada orang lain seterusnya menakutkan mereka dan menjadikan teladan.

4- مَثَثَلٌ (Maththala): Maknanya, menyamakan sesuatu kepunyaan seseorang. contohnya: مَثَثَلُ الشَّيْءِ لِـفُلَانٍ maksudnya ia menyamakan sesuatu kepunyaan seseorang.

5- مَثَثَلٌ (Maththala): Maknanya, menerangkan sesuatu kepada seseorang, contohnya: مَثَثَلُ الْمُعَلِّمِ الْحَدِيثَ maknanya: guru itu telah menerangkan Hadis.

6- مَثَثَلٌ (Maththala): Maknanya memberi contoh, contohnya مَثَثَلُ الْمُعَلِّمِ مَثَالاً وَاحِداً maksudnya: guru itu telah memberikan satu contoh.

7- مَآثَلٌ (Ma:thala): Maknanya menyamai, menyerupai dan juga meniru, contohnya: مَآثَلُ عَلِيٍّ أَخَاهُ الْكَبِيرَ Maksudnya Ali menyamai atau menyerupai abangnya.

8- تَمَثَّلَ (*Tamaththala*): Maknanya bercontohnya atau menjadikannya sebagai contoh, contohnya : تَمَثَّلَ الْمُعَلِّمُ بِالْقَلَمِ maksudnya: guru itu menjadikan pena itu sebagai contoh.

9- تَمَاتَّلَ (*Tama:thala*): Maknanya menjadi serupa, sebaya setanding dan sebagainya, contohnya تَمَاتَّلَ عُمَرُ وَعَلِيٌّ Umar dan Ali telah menjadi serupa, sebaya atau setanding.

10- اِمْتَثَلَ (*Imtathala*): Maknanya menjunjung perintah dan taat setia serta merendahkan diri, contohnya: اِمْتَثَلَ الْوَالِدُ لِأَمْرِ وَالِدِهِ maksudnya: budak itu mentaati suruhan bapanya.

### **Katanama:**

1- اِمْتَالًا (*Amthal:l*): Maknanya sebagai, seumpama, seperti dan lain-lain lagi. Contohnya: الْجَرَائِدُ وَالْمَجَالَتُ وَالْكَتُبُ وَأَمْثَالُهَا Maksudnya: Surat-surat khabar, majalah-majalah, buku-buku dan lain-lain seumpamanya.

2- مَثَلًا (*Mathalun*): Maknanya, contoh dan teladan. Contohnya: أَنْ عَمَلَهُ مَثَلٌ لِغَيْرِهِ Maksudnya, pekerjaannya merupakan contoh teladan kepada orang lain.



3- مَثَلٌ (*Mathalun*): Maknanya, perumpamaan, bidalan, peribahasa, ibarat, pepatah dan kiasan. Makna inilah yang berkaitan dengan kajian ini. Kata jamaknya ialah *amtha:l*. Ini akan diterangkan dengan terperinci dalam memberikan definisi kepada istilah ini.

4- مَثِيلٌ (*Mathi:lun*): Maknannya , setanding, setara, sebaya, serupa, sepadan, seiras, sekupu dan lain-lain seumpamanya. Contohnya: *أَنَّ عَلِيًّا مَثِيلٌ لِعُمَرَ* , maksudnya : Sesungguhnya Ali setanding dengan Umar.

5- أَمْتَلٌ (*Amthal*): Maknanya, lebih baik. Contohnya: *المُعَلِّمُ أَمْتَلُ مِنَ الطَّالِبِ* Maksudnya guru lebih baik daripada murid.

6- تِمْتَالٌ (*Timtha:l*): Maknanya, patung, tok kong, berhala, boneka, tugu dan lain-lain lagi. Contohnya: *فِي الْمُنْحَفِ تِمْتَالٌ خَشَبِيٌّ مَنُحُوتٌ* Maksudnya: di muzium terdapat patung kayu yang diukir.

7- مِثَالِيٌّ (*Mitha:liyy*): Maknanya, yang terbaik, unggul, yang menjadi contoh. Perkataan ini telah digunakan dalam bahasa Melayu, contohnya perkataan ibu mithali yang bermaksud ibu contoh. Contoh penggunaannya dalam bahasa Arab:

*مُحَمَّدٌ طَالِبٌ مِثَالِيٌّ* Maksudnya: Muhammad adalah pelajar yang terbaik ataupun pelajar contoh.

8- مُمَثِّلٌ (*Mumaththil*): Maknanya, pelakun, dalang seniman atau artis, contohnya: تومفيل مُمَثِّلٌ فِي هَذِهِ الْمَسْرَحِيَّةِ maksudnya: Tompel adalah pelakun dalam pementasan ini.

9- مُمَثِّلٌ (*Mumaththil*): Maknanya, wakil, perwakilan, deligasi dan lain-lain seumpamanya. Contohnya: أَحْمَدُ مُمَثِّلٌ لِمَالِيزِيَا فِي الْمُسَابَقَةِ maksudnya: Ahmad adalah wakil Malaysia dalam pertandingan itu.

10- تَمَثِّيْلِيَّةٌ (*Tamthi:liyyat*): Maknanya drama, lakonan, pura-pura, pentomen dan lain-lain. Contohnya: اشْتَرَكْتُ فَاطِمَةُ فِي التَّمَثِّيْلِيَّةِ maksudnya Fatimah mengambil bagian dalam drama itu.

Itulah antara makna dan pemakaian perkataan-perkataan yang berasaskan kepada perkataan *mathala* ataupun yang diderivasikan daripada perkataan tersebut.

Apabila diteliti dan diamati makna-makna atau pemakaian perkataan tersebut dan perkataan yang diderivasikan daripadanya, ia menampakkan bahawa keseluruhan makna ataupun penggunaannya berkisar sekitar maksud “kesamaan” dan “keserupaan”, ataupun sekurang-kurangnya perkara-perkara yang ada kaitannya dengan kesamaan ataupun keserupaan.

Kita kembali bersama kepada makna yang pertama iaitu salah satu makna bagi perkataan *مثل* (*maththala*) iaitu “menggantikan” sepertimana dalam ayat “Ahmad menggantikan Ali”. Pada lazimnya orang yang menggantikan orang lain itu atau menggantikan tempat orang itu mempunyai kesamaan dengan orang yang digantikannya sama ada dari segi perkara yang akan dilakukan, kebolehan, kemampuan, kekuasaan dan sebagainya. Contohnya: Apabila seseorang itu menggantikan tempat orang lain untuk menulis surat, lumrahnya yang menggantikan itu mempunyai kebolehan menulis surat sama seperti orang yang digantikannya itu. Manakala orang yang menggantikan orang lain untuk makan akan melakukan perbuatan sama seperti orang yang digantikan itu iaitu dengan memakan makanan yang dihidangkan kepadanya. Yang penting dalam menggantikan orang lain itu mestilah terdapat keserupaan ataupun kesamaan sekurang-kurangnya dalam satu aspek yang berkaitan. Samalah juga kalau kita kata: Saya telah menggantikan motor saya dengan kereta. Di sini terdapat kesamaan di antara pengganti dengan yang diganti dari segi peranan, dimana kedua-duanya iaitu pengganti dan yang mengganti dapat membawa pemiliknya ke tempat yang ditujui dan dikehendaki oleh beliau.

Dalam makna yang keduanya pula iaitu menjadikan sesuatu sebagai contoh. Lumrahnya di antara contoh dengan yang dicontohi sememangnya terdapat kesamaan dan keserupaan. Umpamanya dia mengatakan bahawa: Inilah contoh rumah yang akan dibeli. Dan sememangnya apabila rumah itu dibeli nanti ianya

akan mempunyai dan memiliki ciri-ciri yang sama ataupun sekurang-kurangnya hampir sama tanpa mempunyai sebarang perbezaan, ataupun hanya mempunyai perbezaan yang kecil sahaja dengan contoh yang diberikan terlebih dahulu itu.

Bagi makna yang ketiga pula boleh dikatakan ia agak terasing dari kelompok kesamaan dan keserupaan, dan tidak ada sesuatu pun yang boleh dikaitkan dengan kesamaan dan keserupaan. Walau bagaimanapun penulis berpendapat unsur kesamaan masih terdapat di dalam makna ini. Ini apabila dilihat kepada hasil daripada perbuatan tersebut. Apabila perbuatan kerat dan potong itu dilakukan ke atas sesuatu barang, benda maupun anggota badan, ini akan menghasilkan keadaan yang sama terhadap kedua anggota yang terpisah itu, iaitu kecederaan, luka, putus dan sebagainya. Dengan demikian ia masih memiliki ciri yang serupa dengan apa yang terdapat pada makna-makna lain.

Apabila diteliti kesemua makna-makna yang dipakai untuk perkataan *mathala* dan juga perkataan-perkataan lain yang diderivasikan daripadanya, pada keseluruhannya ia berkaitan dengan kesamaan dan keserupaan. Kita ambil umpamanya perkataan *tamthiliyyat* yang bermaksud lakonan, drama, pentomen, pementasan dan sebagainya, aspek kesamaan dan keserupaan dalam drama atau lakonan adalah dari segi keadaannya, yangmana apa yang dilakonkan adalah seakan-akan, sama, atau serupa dengan keadaan yang sebenarnya yang berlaku.

Dari segi penggunaan perkataan “*mathalun*” yang merujuk kepada peribahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan seumpamanya, hal ini adalah kerana terdapat kesamaan dan keserupaan mengenai perkara-perkara yang telah berlaku dengan perkara-perkara yang sedang berlaku, akan berlaku, diharapkan akan berlaku dan juga diramalkan akan berlaku. Contohnya dalam peribahasa Melayu ada menyebut ”angan-angan Mat Jenin”. Sememangnya Mat Jenin dengan angan-angannya itu merupakan sesuatu yang telah wujud - sama ada secara realiti atau secara dongeng -. Jadi mana-mana orang yang gelagatnya, tindak tanduknya, perilaku, perangainya, cara hidup dan tindakannya sama seperti Mat Jenin adalah dijangka, diramal dan dinantikan akan mendapat hasil sama seperti apa yang diperolehi oleh Mat Jenin.

Manakala dalam bahasa Arab pula dalam peribahasanya terdapat perkataan “Hatim” yang merujuk kepada seorang yang amat terkenal dengan sifat pemurahnya dalam kalangan masyarakat Arab setempat pada zaman pra-Islam dahulu. Kemudiannya beliau terus dikenali umum tanpa batas masa dan geografi. Kemudiannya nama itu dipanggil atau digelar kepada orang lain yang mempunyai sifat yang sama dan serupa dengan sifat-sifat yang dimiliki oleh beliau iaitu sifat pemurah.

Jadi kesamaannya adalah antara apa yang berlaku dahulu dengan apa yang berlaku baik sekarang maupun akan datang. Persamaan dan keserupaan itu adalah sama

ada dari segi hasil, natijah ataupun tuaian daripada apa yang dilakukan ataupun diusahakan, keadaan susah senang pahit manis, cara hidup dan sebagainya.

### 2.2.2 Definisi *Mathal* Dari Aspek Istilah

Ahli bahasa Arab telah memberikan definisi *mathal* seperti yang berikut:

1- Abu: Hila:l al-‘Askariyy memberikan definisi yang ringkas sahaja, yang berbunyi:

أَصْلُ الْمَثَلِ مِنَ التَّمَاتِلِ بَيْنَ الشَّيْئَيْنِ فِي الْكَلَامِ<sup>1</sup>

Maksudnya: *Mathal* berasal daripada persamaan antara dua perkara di dalam percakapan.

2- al-Mubarrid dan Ibn Manzu:r pula memberikan definisi yang berikut:

الْمَثَلُ مَا خُوذُ مِنْ الْمَثَالِ وَهُوَ قَوْلٌ سَائِرٌ يُشَبَّهُ بِهِ حَالُ الثَّانِي بِالْأَوَّلِ وَالْأَصْلُ فِيهِ التَّشْبِيهُ<sup>2</sup>

Maksudnya: *Mathal* diambil daripada perkataan *al-mitha:l* iaitu contoh. Ia adalah kata-kata yang bergerak/tersebar yang menyamakan antara keadaan yang terdapat pada yang kedua dengan keadaan yang terdapat pada yang pertama. Asal padanya adalah penyamaan.

---

<sup>1</sup> al-‘Askariyy, jld.1 , hlm. 7.

<sup>2</sup>Ibn Manzu:r, perkara: م ث ل

Tambah al-Mubarrid lagi:

المَثَلُ قَوْلٌ جُعِلَ كَالْعَلَمِ لِلتَّشْبِيهِ بِحَالِ الْأَوَّلِ

Maksudnya: *Mathal* merupakan suatu ungkapan di mana ungkapan itu dijadikan seolah-olah benda (atau nama bagi sesuatu), untuk tujuan menyamakan dengan keadaan yang pertama.

Ini sepertimana yang diungkapkan oleh Zuhayr:

كَأَنْتَ مَوَاعِيدُ عَرْقُوبٍ لَهَا مَثَلًا وَمَا مَوَاعِيدُهَا إِلَّا الْأَبَاطِيلُ<sup>1</sup>

Maksudnya: Janji-janji ‘Arqu:b menjadi *mathal* (perumpamaan/peribahasa) dan janji-janji ‘Arqu:b itu adalah palsu belaka.

Maka ungkapan “مواعيد عرقوب” dijadikan sebagai nama kepada semua jenis janji palsu<sup>2</sup>

3- Ibra:hi:m al-Nazza:m pula dalam memberikan pengenalan kepada perkataan *mathal*, beliau membawa beberapa ciri khusus yang dimiliki oleh *mathal*.

Katanya:

---

<sup>1</sup>al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 7.

<sup>2</sup>al-‘Askariyy, jld.1, hlm. 7.

تَجْتَمِعُ فِي الْمَثَلِ أَرْبَعَةٌ لَا يَجْتَمِعُ فِي غَيْرِهِ مِنَ الْكَلَامِ : إِيجَازُ اللَّفْظِ. إِصَابَةُ الْمَعْنَى. حُسْنُ التَّشْبِيهِ. جَوْدَةُ الْكِنَايَةِ.<sup>1</sup>

Maksudnya: Dalam *mathal* terkumpul empat perkara atau empat ciri, di mana ciri-ciri ini tidak terdapat dalam percakapan jenis lain. Keempat-empat itu ialah: ungkapan yang ringkas, makna yang tepat, perumpamaan yang baik dan panggilan yang bagus.

4- Ibn al-Sikkiti pula memberikan definisi yang berikut:

الْمَثَلُ لَفْظُهُ يُخَالِفُ لَفْظَ الْمِضْرُوبِ لَهُ، وَيُؤَافِقُ مَعْنَاهُ مَعْنَى ذَلِكَ اللَّفْظِ. شَبَّهُوهُ بِالْمِثَالِ الَّذِي يَعْمَلُ عَلَيْهِ لِغَيْرِهِ.<sup>2</sup>

Maksudnya: *Mathal*, perkataan atau lafaznya berlainan dan berbeza daripada perkataan yang dibuat *mathal* itu untuknya. Manakala makna bagi kedua-duanya adalah sama. Ia diumpamakan dengan sesuatu yang serupa yang dibuat untuk yang lainnya.

5- Aristotles pula memperkenalkan *mathal* seperti berikut:

الْمَثَلُ هُوَ الْعِبَارَةُ الَّتِي تَنْصِفُ بِالشُّيُوعِ وَالْإِيجَازِ وَوَحْدَةِ الْمَعْنَى وَ صِحَّتِهِ.<sup>3</sup>

Maksudnya: *Mathal* adalah ungkapan yang bersifat luas (dari segi penggunaannya), ringkas, sama makna serta benar.

<sup>1</sup>al-Sudu:siyy, hlm.46.

<sup>2</sup>al-Takri:tiyy, hlm.14.

<sup>3</sup>Si:niyy et al, hlm. ط



### 2.2.3 Fungsi Dan Kandungan Mathal

Selain daripada memberikan definisi kepada perkataan *mathal*, ulama bahasa dan ahli-ahli falsafah juga memberikan penerangan dan penjelasan lebih lanjut, yang terdiri daripada fungsi-fungsi *mathal*, kandungannya serta beberapa perkara lain yang berkaitan supaya hakikat *mathal* ini mendapat gambaran yang tepat dalam minda ramai. Sehubungan dengan ini penulis mengemukakan beberapa pandangan yang telah diberikan:

1- Arthur Taylor menerangkan *mathal* seperti berikut:

المَثَلُ أُسْلُوبٌ تَعْلِيمِيٌّ ذَائِعٌ بِالطَّرِيقَةِ التَّقْلِيدِيَّةِ، يَعْمَلُ أَوْ يُصَدِّرُ حُكْمًا عَلَى وَضْعٍ مِنْ  
الْأَوْضَاعِ.<sup>1</sup>

Maksudnya: *Mathal* adalah merupakan metodologi pengajaran yang diguna pakai secara meluas dengan menggunakan cara tradisional. Ia memutuskan dan membuat ketetapan terhadap sesuatu keadaan.

Perkataan metodologi pengajaran yang terdapat dalam ayat di atas bolehlah dikhususkan kepada cara penyampaian yang digunakan oleh seseorang guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid atau orang yang diajarnya.

2- Yu:suf 'Izzuddi:n pula menerangkan *mathal* dengan ungunannya yang berikut:

---

<sup>1</sup> al-Takri:tiyy, hlm.16.

المَثَلُ هُوَ الصُّورَةُ الصَّادِقَةُ لِحَالِ الشُّعُوبِ وَالْأُمَّمِ فَفِيهِ خُلَاصَةُ الْخِبْرَاتِ الْعَمِيقَةِ الَّتِي  
 تَمَرَّسَتْ بِهَا عِبْرَ السَّنَوَاتِ الطَّوِيلَةِ مِنْ حَضَارَتِهَا وَهُوَ الْخُلَاصَةُ الْمُرَكَّزَةُ لِمُعَانَاتِهَا  
 وَشَقَائِهَا وَسَعَادَتِهَا وَغَضَبِهَا وَرِضَاهَا ، بَجْدٍ فِي طَيِّبَاتِهِ مُخْتَلِفَ التَّعْيِيرَاتِ الَّتِي تُمَثِّلُ  
 حَيَاةَ مُجْتَمَعِهَا وَتَصَوُّرَاتِ أَفْرَادِهَا بِأَسَالِيبَ مُتَنَوِّعَةٍ وَطُرُقٍ مُتَعَدِّدَةٍ كَالسُّخْرِيَّةِ  
 اللَّادِعَةِ وَالْحِكْمَةِ الرَّادِعَةِ.<sup>1</sup>

Maksudnya: *Mathal* adalah gambaran benar/tepat terhadap keadaan dan fenomena sesuatu bangsa dan sesuatu umat. *Mathal* mengandung intipati bagi segala apa yang dialami, dijalankan dan dilalui semenjak lama dahulu. Ia merupakan sesuatu yang dialami daripada ketamadunan mereka. *Mathal* juga merupakan intipati yang berpusatkan kepada pengalaman yang terdiri daripada susah payah, pahit jerih, keperitan dan kemarahan serta pengalaman yang berkaitan dengan kebahagiaan dan kerelaan. Dalam *mathal* juga kita dapati adanya berbagai-bagai perubahan yang menggambarkan perubahan dalam kemasyarakatan. *Mathal* juga memberikan gambaran tentang individu-individu di dalam masyarakat tersebut dengan menggunakan berbagai-bagai metode dan cara. Antara cara tersebut ialah penghinaan dan perlekehan serta hikmah kebijaksanaan.

3- Syawqi Dayf pula dalam menerang dan memberikan gambaran tentang *mathal* menggunakan ungkapan yang berikut:

---

<sup>1</sup>Si:niyy et al, hlm.5

الْمَثَلُ هُوَ فَلْسَفَةُ الْحَيَاةِ الْأُولَى وَلَهُ فِي تَارِيخِ الْفِكْرِ أَهْمِيَّةٌ، لَا يُدْرِكُهُ إِلَّا مَنْ تَعَمَّقَ فِي دِرَاسَةِ نَفْسِيَّةِ الشُّعُوبِ وَدِرَاسَةِ التَّطَوُّرِ الْفِكْرِيِّ عِنْدَ الْبَشَرِ.<sup>1</sup>

Maksudnya: *Mathal* merupakan falsafah kehidupan yang pertama. Ia merupakan sesuatu yang penting dalam sejarah pemikiran. Kepentingannya hanya dapat difahami oleh mereka yang mengadakan kajian sosiologi secara mendalam terhadap bangsa tersebut. Kefahaman terhadap perkara ini juga turut dinikmati oleh mereka yang membuat kajian terhadap perkembangan pemikiran manusia.

4- Muhammad Abu: Su:faṭ pula menerangkan perkataan *mathal* dengan ungkapan yang berikut:

الْمَثَلُ هُوَ مَظْهَرٌ حَضَارَةٌ يَتَّصِلُ بِجُذُورِ الشَّعْبِ فَهُوَ تَرَاثُ الْعَامَّةِ وَالْخَاصَّةِ. وَالْأَمْثَالُ مَصَائِيحُ الْأَقْوَالِ.<sup>2</sup>

Maksudnya: *Mathal* merupakan fenomena ketamadunan. Ianya bersambung dan berhubungkait dengan akar umbi sesuatu bangsa. *Mathal* juga merupakan warisan umum dan khas. *Mathal* adalah penyuluh kata-kata.

5- Manakala Abu: Fayd pula memberikan definisi yang berikut:

---

<sup>1</sup> Si:niyy et al, hlm. 5

<sup>2</sup> Ibid, hlm. 5

المَثَلُ هُوَ اللَّفْظُ الَّذِي يُخَالِفُ لَفْظَ الْمَضْرُوبِ لَهُ وَيُؤَافِقُ مَعْنَى ذَلِكَ اللَّفْظِ وَتَجْتَمِعُ فِي الْمَثَلِ أَرْبَعَةٌ حِصَالٌ لَا تَجْتَمِعُ فِي غَيْرِهِ مِنَ الْكَلَامِ<sup>1</sup> : إِبْجَازُ اللَّفْظِ. إِصَابَةُ الْمَعْنَى. حُسْنُ التَّشْبِيهِ. جَوْدُهُ الْكِنَايَةُ.

Maksudnya: *Mathal* adalah suatu perkataan atau ungkapan yang berbeza dan berlainan dengan perkataan atau ungkapan yang dibuat *mathal* untuknya, tetapi terdapat persamaan makna antara kedua-duanya. Terdapat empat ciri khusus pada setiap *mathal*, iaitu: mempunyai ungkapan yang ringkas, memiliki ketepatan makna, mempunyai perumpamaan yang baik dan gelaran atau panggilan yang bagus.

Manakala peribahasa dalam bahasa Melayu pula di definisikan: “Peribahasa adalah ungkapan-ungkapan bahasa kiasan yang sudah mantap bentuk bahasanya dan juga maknanya. Ia digunakan dalam bentuk asal tanpa dilakukan ke atasnya sebarang perubahan”<sup>2</sup>.

Berdasarkan kepada definisi yang diberikan kepada peribahasa didapati tiada perbezaan antara *mathal* dan peribahasa. Dengan demikian *mathal* boleh

---

<sup>1</sup>al-Sudu:siyy, hlm.46

<sup>2</sup> Abdullah Hassan et al, hlm. (pra no. hlm.)

diterjemahkan secara langsung kepada peribahasa. Manakala peribahasa pula diterjemahkan secara langsung kepada *mathal*.

#### **2.2.4 Kesimpulan**

Daripada definisi-definisi dan juga penerangan dan penjelasan yang diberikan yang terdiri daripada fungsi-fungsi *mathal* dan kandungannya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa *mathal* mempunyai ciri dan mengandungi perkara-perkara yang berikut:

##### **1- Persamaan**

Dari segi penggunaannya, *mathal* tidak digunakan secara tersendiri. Sebaliknya digunakan dan diungkapkan untuk menyatakan bahawa sesuatu yang lain itu adalah sama dan serupa dengan apa yang terungkap pada lafaz-lafaz *mathal* itu..

##### **2- Penggunaan meluas (melempi sempadan masa dan geografi)**

Penggunaan sesuatu *mathal* akan berkembang luas, tanpa terikat dengan aspek atau bidang asal dimana *mathal* tersebut terbentuk ataupun diungkapkan. Ia akan melampaui masa, jarak, sempadan geografi dan lain-lain.

##### **3- Ringkas**

Sepertimana yang terdapat dalam beberapa definisi *mathal* yang dikemukakan, bahawa “ringkas” merupakan ciri yang penting yang dimiliki oleh *mathal*. Namun perkataan ringkas yang dikaitkan dengan *mathal* ini boleh dikategorikan kepada dua kategori:

- a) Ringkas dengan erti kata yang sebenarnya.
- b) Ringkas perkataannya berbanding dengan kandungan makna yang tersirat di dalamnya.

#### **4- Tepat Makna**

*Mathal* memiliki dua aspek makna, iaitu makna yang tersurat dan makna yang tersirat. Makna yang tersurat adalah makna asal yang dikenali dan telah diterima pakai oleh sesuatu masyarakat atau bangsa mengenai sesuatu lafaz atau sesuatu perkataan. Manakala makna yang tersirat pula adalah makna-makna baru yang terhasil daripada kiasan-kiasan.

#### **5- Perumpamaan yang bagus**

*Mathal* adalah berasal daripada perumpamaan. Akan tetapi apa yang membezakannya dengan perumpamaan ialah dari segi kemantapan kata dan bahasa serta penggunaannya yang meluas.

#### **6- Panggilan yang baik**

Panggilan yang baik merupakan salah satu ciri *mathal*. Namun ianya juga boleh dikategorikan kepada dua kategori:

- a) Panggilan yang baik dengan erti kata yang sebenarnya
- b) Panggilan yang baik berkaitan dengan situasi atau sesuatu yang ingin dinyatakan dan diterangkan.

### **7- Perpindahan Makna**

Apabila *mathal* digunakan untuk menyatakan sesuatu keadaan ataupun sesuatu situasi, ketika ini berlakulah perpindahan makna daripada makna asli kepada makna majaziy atau makna kiasan.

### **8- Metodologi Dan Bahan Bantu Pengajaran**

Penggunaan *mathal* dalam percakapan keadaannya adalah sama dengan penggunaan bahan bantu dalam pengajaran. Ini merujuk kepada keberkesanan di dalam percakapan dan penyampaian.

### **9- Membuat keputusan**

Pengguna *mathal* perlu memilih *mathal* tertentu untuk digunakan dalam menyatakan satu keadaan ataupun mengaitkannya dengan sesuatu fenomena. Kebijaksanaan diperlukan dalam membuat keputusan untuk menerima pakai *mathal* yang manakah yang paling menepati sesuatu keadaan yang dimaksudkan.

Dalam membuat pertimbangan tersebut seseorang itu perlu menggerakkan pemikiran dan mindanya untuk bekerja dan membuat keputusan yang tepat.

### **10- Gambaran Tentang Ketamadunan**

Dalam pembentukan sesuatu *mathal* terdapat di sebaliknya cerita-cerita yang berkaitan dengannya. Cerita-cerita sedemikian banyak menolong ke arah pendedahan tentang sesuatu yang tersirat di sebalik sesuatu *mathal*. Serta memberikan gambaran tentang latar belakang terhadap terbentuknya sesuatu *mathal*. Ini secara tidak langsung turut mendedahkan ketamadunan yang wujud pada ketika *mathal* tersebut diungkapkan.

### **11- Intipati Pengalaman**

*Mathal* adalah merupakan intipati pengalaman yang dilalui oleh orang-orang yang terdahulu. Dengan demikian *mathal* merupakan ungkapan-ungkapan yang telah sedia ada. Ia untuk dipelajari dan dihayati oleh generasi baru hasil daripada pengalaman orang yang terdahulu. pelajar tidak diajar untuk membuat *mathal*, tetapi diajar untuk memahami serta menghayati *mathal*. Ini berbeza dengan perumpamaan dimana pelajar diajar untuk membuat perumpamaan tetapi tidak diajar untuk membuat *mathal*.



## **12- Merakam Keadaan dan Perubahannya**

Dengan adanya rakaman tentang tamadun lampau maka perubahan-perubahan dapat dilihat dan diukur bagi jangka masa yang berkaitan, iaitu masa terbentuknya sesuatu *mathal* itu hinggalah kepada masa penggunaan *mathal* tersebut, termasuk masa kini dan akan datang.

## **13- Ungkapan kekal bagi semua situasi.**

Sesuatu *mathal* itu akan dianggap *mathal* selagi ia tidak berubah daripada bentuk asalnya kepada suatu bentuk baru. Manakala perubahan yang berlaku ataupun dilakukan ke atasnya akan membawa kepada kehilangan statusnya sebagai *mathal*. Perubahan gaya bahasa, susunan ayat, penyesuaian nahu dan sebagainya merupakan sesuatu yang tidak dibolehkan.

Sebagai kesimpulan, *mathal* dalam kalangan pakar bahasa adalah ungkapan-ungkapan yang mengandungi dan memiliki ciri-ciri kefasihan yang tinggi dan juga memiliki ciri-ciri retorik yang amat mendalam. Dengan demikian *mathal* memainkan peranan dalam menerang dan memperjelaskan kata-kata. Manakala maksudnya akan menjadi lebih jelas dan lebih nyata dengan berpandukan kepada petanda-petanda dan petunjuk-petunjuk.

Dalam menghayati sesuatu *mathal* seseorang pengkaji akan mengimajinasikan gambaran-gambaran balaghah atau retorik yang telah diisikan oleh orang yang

mengungkapkan atau menggubal *mathal* itu buat pertama kalinya. Ia hasil daripada pengalaman yang dilalui oleh pengungkap atau penggubal itu sendiri. Pengalaman-pengalaman ini terdiri daripada berbagai-bagai bidang dalam semua aspek kehidupan yang telah menyentuh serta mendapat tempat di dalam hati sanubari mereka.

Pada keseluruhannya *mathal* telah menjadi dan juga telah dijadikan sebagai penunjuk atau pedoman kepada orang ramai dalam menjalani kehidupan harian mereka. Dengan kata lain *mathal* adalah salah satu panduan dan landasan dalam menentukan halatuju seseorang dan juga masyarakat, supaya ia tidak lari dan tidak terbabas daripada jalan yang betul.

Di samping itu *mathal* merupakan bahan bahasa yang memiliki ciri-ciri kesahan yang tinggi, lantaran kelahirannya dalam masyarakat penutur yang tulin bahasanya . Manakala pemeliharanya pula dibuat dengan begitu rapi sekali oleh para penggemar, pengumpul serta pengkaji *mathal*.

Dari segi penulinnannya pula, para pengumpul *mathal* telah membentuk satu makanisme dan neraca yang khusus yang boleh menjamin ketulinan dan kefasihannya. Sehubungan dengan ini didapati banyak pengumpul *mathal* membuat pengkelasan terhadap *mathal* yang meraka kumpul dengan menyatakan kedudukan *mathal* tersebut.

Dengan keistimewaan itulah juga *mathal* telah menjadi dan dijadikan bahan sejarah dan kesusesteraan yang tidak mengundang sebarang keraguan tentang kesahihannya.

Manakala dari segi keberkesanannya dalam penyampaian, *mathal* merupakan satu metode dan satu cara yang pasti tentang keberkesanannya.<sup>1</sup> Sehubungan dengan ini didapati al-Qur'an menggunakannya sebanyak 184 kali dalam menerangkan berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia serta hubungannya dengan Allah SWT. Malah kepentingan *mathal* itu sendiri turut dinyatakan dalam al-Qur'an.<sup>2</sup>

Dengan kedudukan *mathal* sebagai satu cara penyampaian yang penting dan berkesan itu, Rasulullah SAW turut menggunakan *mathal* di dalam penyampaian dan dakwah Baginda. Sehubungan dengan ini baginda bersabda:

إِنَّ اللَّهَ وَقَّتَ لَكُمْ الْأَجَالَ وَضَرَبَ لَكُمْ الْأَمْثَالَ.<sup>3</sup>

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT telah menentukan ajal untuk kamu semua dan telah membuat untuk kamu semua berbagai-bagai *mathal*.

---

<sup>1</sup> Abu: Zahrat, hlm.30.

<sup>2</sup> Abd al-Ba:qi, 1971, perkara مثل

<sup>3</sup> Ibn Hanbal, hlm.43.

Dengan itu kita dapati bahawa *mathal* merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan kemasyarakatan terutama sekali yang berkaitan dengan bahasa, kesusesteraan, etika dan beberapa perkara yang lain.

Manakala dari segi politik pula, kedua-dua jenis *mathal* iaitu *mathal* fasih dan *mathal* rakyat memainkan peranan sebagai peraturan kepada kehidupan beradat dan berbudaya. Hal ini seperti yang diamalkan di Amerika. Peraturan dan adat bagi masyarakat Amerika adalah rumusan daripada ratusan bahkan ribuan *mathal* yang telah dibawa masuk oleh para pendatang di samping apa yang sedia ada dalam kalangan penduduk asal negara berkenaan.

### **2.3. Kepentingan *Mathal* Mengikut Gambaran *Mathal* Sendiri**

Setelah dikemukakan pengenalan *mathal*, di sini penulis turut memaparkan beberapa *mathal* Arab dan bukan Arab yang memberikan gambaran tentang pentingnya *mathal* dalam kehidupan manusia.

*Mathal* Arab yang menerangkan kepentingan *mathal* itu sendiri berbunyi:

<sup>1</sup>مثال الماء خير من الماء

---

<sup>1</sup>al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 287.

Maksudnya: *Mathal* (berkaitan dengan) air adalah lebih baik daripada air itu sendiri.

Sememangnya air amat penting dalam kehidupan manusia. Tanpa air kehidupan tidak mungkin wujud. Namun begitu apa yang lebih penting bagi manusia sebagai seorang manusia adalah kebasahan dan kesuburan minda dan pemikirannya. Dalam membasahi dan menyuburkan minda *mathal* memainkan peranan yang penting ke arah itu, Dengan keaktifan minda dan pemikiran sesuatu yang susah boleh dijadikan realiti dan sesuatu yang payah boleh dipermudah.

Sehubungan dengan ini Fa:iz Yu:suf telah mengumpul beberapa *mathal* bukan Arab yang memberikan pemerian tentang pentingnya *mathal* dalam perkara yang berkaitan dengan kehidupan dan pemikiran manusia.

Pertama *mathal* yang diungkapkan oleh Aristotles berbunyi:

التَّحَدَّثُ بِالْأَمْثَالِ يُلَائِمُ الشَّيْخُوخَةَ<sup>1</sup>

Maksudnya: Bercakap dengan menggunakan *mathal* merupakan sesuatu yang bersesuaian dengan kedewasaan (kematangan).

---

<sup>1</sup> Fa:’iz Yu:suf Muhammad, hlm.73 .

Lumrahnya seseorang yang tua umurnya, memiliki pengalaman yang lebih mengenai berbagai-bagai aspek kehidupan. Bersesuaian dengan *mathal* itu sebagai intipati kepada pengalaman yang dilalui oleh seseorang itu, maka berbicara dengan menggunakan *mathal* itu merupakan penghargaan terhadap pengalaman orang-orang yang terdahulu oleh orang-orang berpengalaman semasa. Dengan demikian sesuatu idea yang dipaparkan itu akan menjadi lebih tinggi mutu dan nilainya apabila disandarkan kepada *mathal-mathal* yang tertentu.

Kedua *mathal* yang diungkap oleh Jan Rassel berbunyi:

المَثَلُ عَقْلٌ فَرَدَّ وَحِكْمَةٌ الْجَمِيعُ<sup>1</sup>

Maksudnya: *Mathal* merupakan akal individu dan dan kebijaksanaan ramai (masyarakat).

Sememangnya sesuatu *mathal* yang baik itu, walaupun pada mulanya diungkapkan oleh individu-individu yang tertentu, kebijaksanaannya kembali kepada masyarakat yang mendukung individu berkenaan. Hal ini adalah kerana tersebarinya sesuatu *mathal* yang baik, datang daripada perbuatan masyarakat tersebut yang menilainya dan meletakkannya di tempat yang bersesuaian. Seterusnya mereka yang menerima pakai dan menjadikannya sebagai neraca, panduan, petunjuk dikira sebagai orang yang bijak. Banyak keadaan kita dapati

---

<sup>1</sup> Fa:'iz Yu:suf Muhammad, hlm. 74.

bahawa orang-orang yang menjadikan *mathal* itu sebagai panduan, kedudukannya lebih baik daripada orang yang mengungkapkan *mathal* itu sendiri.

Ketiga *mathal* yang diungkapkan oleh Plato berbunyi:

المَثَلُ الَّذِي يَأْتِي فِي الْوَقْتِ الْمُنَاسِبِ يَجْلُو سَمَاعَهُ<sup>1</sup>

Maksudnya: *Mathal* yang tiba pada waktunya (masa yang bersesuaian) adalah sesuatu yang sedap didengar.

*Mathal* ini menggambarkan keberkesanan penggunaan *mathal*. Apabila sesuatu *mathal* itu digunakan pada keadaan dan situasi yang sesuai, ia membuatkan orang yang mendengarnya menikmati apa yang diperkatakan itu dengan gembira dan terbuka. Bahkan sesetengah *mathal* itu boleh membawa kepada keterujaan apabila ianya diungkap dan dihidangkan lengkap dengan segala perasa dan perisanya. Keadaan yang seumpama ini akan memberikan kesan dan maklumbalas yang maksimum baik kepada pendengar mahupun pelajar.

Keempat *mathal* yang diungkap oleh R. Trinchess<sup>2</sup> berbunyi:

المَثَلُ هُوَ صَوْتُ الشَّعْبِ<sup>2</sup>

Maksudnya: *Mathal* merupakan suara rakyat

---

<sup>1</sup>Fa:’iz Yu:suf Muhammad, hlm.73.

<sup>2</sup>Ibid, hlm.73.

Apabila kita merujuk kembali kepada sesuatu *mathal*, dan seterusnya menimbulkan soalan dan pertanyaan, mengapakah ungkapan-ungkapan tertentu telah diterima sebagai *mathal*, manakala sesetengah yang lain pula tidak sedemikian. Jawapannya tak lain, ialah kerana ungkapan tersebut disenangi dan diterima sebagai satu hakikat dan realiti oleh sesuatu masyarakat. Masyarakat secara majoritinya menerima ungkapan tersebut sebagai *mathal*. Ini seolah-olah terdapatnya suatu pakatan dan persetujuan dalam penerimaan tersebut. Jadi ungkapan *mathal* di atas merupakan sesuatu yang tepat dengan realitinya.

Kelima *mathal* Inggeris berbunyi:

الأمثال زينة الكلام<sup>1</sup>

Maksudnya: *Mathal* merupakan hiasan percakapan.

Dalam pengungkapan kata sama ada secara lisan, seperti perdebatan, perbahasan, pembentangan, mesyuarat, dialog, khutbah, perbincangan, pengadilan maupun di dalam penulisan, *mathal* telah terbukti sebagai satu bentuk penghias kata yang dapat meningkatkan keberkesanan dalam komunikasi dengan menempatkan fakta, idea, berita di dalam hati dan sanubari.

---

<sup>1</sup> Fa:'iz Yu:suf Muhammad, hlm. 73



Keenam *mathal* Inggeris berbunyi:

حِكْمُ الْأُمَمِ بَجْرِي فِي أَمْثَالِهَا<sup>1</sup>

Maksudnya: Kebijaksanaan sesuatu bangsa mengalir dalam *mathal* mereka.

Kebijaksanaan, kepandaian, kecerdikan sesuatu bangsa itu sememangnya sesuatu yang sukar diukur dan sukar disukat. Kemajuan dalam bidang pembuatan boleh diukur daripada produktiviti mereka. Kemajuan dalam bidang pembinaan boleh dilihat dalam hasil binaan mereka. Manakala *mathal-mathal* yang baik pula boleh memberikan gambaran kemajuan dan ketamadunan yang dilalui dan dimiliki oleh bangsa-bangsa yang berkenaan.

Faktor yang penting yang menjadikan *mathal* itu suatu ungkapan yang mantap kerana ia merupakan intipati pengalaman yang dilalui oleh orang-orang yang terdahulu. Dengan demikian *mathal* merupakan ungkapan-ungkapan yang telah sedia ada. Ia untuk dipelajari dan dihayati oleh generasi baru hasil daripada pengalaman orang yang terdahulu. pelajar tidak diajar untuk membuat *mathal*, tetapi diajar untuk memahami serta menghayati *mathal*. Di sinilah titik perbezaan antara *mathal* dengan perumpamaan. Di mana pelajar diajar untuk membuat perumpamaan.

---

<sup>1</sup> Fa:'iz Yu:suf Muhammad, hlm. 74.

## **2.4 Kepentingan *Mathal* Dari Aspek Bahasa Dan Budaya**

Sepertimana yang diketahui bahawa *mathal* adalah merupakan satu aspek kajian bahasa yang amat penting dalam bahasa Arab. Kepentingannya bukanlah terbatas pada bidang ini sendiri sebagai satu bidang kajian yang tersendiri, bahkan ia berkaitan dengan bidang-bidang kajian lain yang merupakan bidang-bidang kajian yang khusus dalam bidang bahasa, kesusasteraan dan ketamadunan Arab.

Antara bidang yang mempunyai kaitan yang rapat dengan *mathal* ialah kebudayaan dan peradaban Arab, retorik, sastera, sejarah, akhlak dan etika, komunikasi dan beberapa perkara lain lagi.

Di bawah ini dikemukakan beberapa perkara ataupun bidang kajian yang mempunyai kaitan dan kepentingan secara langsung dengan *mathal*.

### **2.4.1 Kepentingan Dalam Mencerminkan Peradaban Arab Silam**

Sepertimana yang disebutkan di dalam buku-buku sejarah tentang bangsa Arab, bahawa Dunia Arab silam telah diselubungi oleh keadaan buta huruf, dimana rata-rata orang-orang Arab tidak boleh membaca dan tidak boleh menulis. Dengan demikian tidak terdapat tulisan-tulisan yang boleh menggambarkan keadaan yang terdapat di Semenanjung Arab, yang boleh menggambarkan tentang keadaan ketamadunan yang terdapat pada masa itu.

Yang ada hanyalah cerita-cerita lisan yang diwarisi turun-temurun daripada satu generasi ke generasi yang berikutnya. Perkara seumpama ini telah berlarutan sehingga ke zaman pra-kedatangan Islam, barulah terdapatnya penulisan-penulisan. Walau bagaimanapun ia agak terhad. Hal ini kerana apa yang dituliskan pada masa ini merupakan catatan-catatan ringkas sahaja dan bukanlah merupakan suatu cerita lengkap mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku, sesuatu peraturan dan sebagainya.

Antara perkara yang mendapat tempat di dalam penulisan antaranya ialah, penulisan puisi terpilih seperti al-Mu‘allaqat al-Sab‘at, al-Amthal, al-hikam dan beberapa perkara lain yang dirasakan oleh mereka sebagai sesuatu yang perlu diabadikan.

Dalam banyak keadaan *mathal* juga turut dimuatkan dalam puisi. Dengan demikian ia dipelihara dan dihafal oleh rata-rata golongan atasan. Bahkan tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa penghafalan puisi dan juga *mathal* itulah yang telah memartabatkan seseorang itu dan menjadikannya sebagai seorang yang berkedudukan ataupun tergolong dalam golongan atasan atau bangsawan.

Oleh sebab kurangnya bahan bertulis yang khusus mengenai peradaban Arab silam atau apa yang dinamakan zaman Jahiliyah, maka apa-apa yang telah dicatatkan

yang terdiri daripada puisi-puisi terpilih dan juga *mathal* telah menjadi sesuatu yang amat penting bagi mencerminkan peradaban Arab pada masa itu.

#### **2.4.2 Kepentingan Dalam Ilmu Nahu**

Kepentingan *mathal* dalam pengajian nahu berkaitan dengan pembuktian terhadap kefasihan dan juga pembuktian terhadap penggunaan dan pembentukan ayat yang bersesuaian dengan kaedah nahu Arab. Sekiranya diperhatikan didapati ilmu nahu banyak bersandarkan kepada *mathal* sama ada *mathal* yang berbentuk prosa mahupun puisi. Hal ini kerana *mathal* itu berperanan memperjelaskan kata-kata. Dalam masa yang sama ia juga merupakan bukti terhadap kesahihan dan ketepatan penggunaan bahasa.

#### **2.4.3 Kepentingan Dalam Perbendaharaan kata**

Lumrahnya dalam mana-mana bahasa, perbendaharaan kata atau perkataan sentiasa datang dan pergi, silih berganti, ada yang terus dipakai tanpa diganti, ada pula yang ditinggalkan dan terus mati.

Kadang kala proses sebegini telah melenyapkan terus sesuatu bahasa itu di persada dunia. Dan kadang kala pula proses yang sebegini telah melahirkan bahasa-bahasa baru walaupun ia memakan masa ratusan bahkan ribuan tahun lamanya.

Sebagai contoh, bahasa Inggeris yang dipertuturkan di seluruh pelosok dunia pada hari ini tidak pernah dipertuturkan oleh manusia 2000 tahun lalu. Manakala bahasa Firaun dan Yunani pula sudah tidak boleh difahami lagi oleh masyarakat awam pada hari ini.

Walau bagaimanapun bahasa Arab yang digunakan semenjak lebih daripada 2000 tahun itu masih digunakan dan difahami tanpa mengalami perubahan yang ketara. Sehubungan dengan itu sesetengah orang secara bergurau mengatakan. “Sekiranya Abu Jahal (yang hidup hampir 1500 tahun dahulu) dibangkitkan semula nescaya dia akan dapat memahami maki hamun dan sumpah seranahku terhadapnya”. Ini adalah kerana bahasa Arab zaman Abu Jahal tidak ada bezanya dengan bahasa Arab yang dipertuturkan pada hari ini. Ini berbeza sekali dengan bahasa lain.

Kelebihan yang ada pada bahasa Arab ini mempunyai kaitan langsung dengan penurunan al-Qur’an oleh Allah SWT yang telah menurunkan al-Qur’an itu dalam bahasa Arab. al-Qur’an juga diturunkan dengan jaminan pengabadiannya oleh Allah SWT.

Selain dari itu pengabdian ratusan ribu Hadis Rasulullah SAW di dalam bentuk tulisan dalam puluhan kitab Hadis turut memberikan sumbangan dalam kelangsungan penggunaan perbendaharaan kata yang tertentu.

Manakala puisi dan juga *mathal* yang diabadikan di dalam buku-buku dan kitab-kitab turut memainkan peranan dalam kelangsungan penggunaan perbendaharaan kata yang berkaitan.

Dari segi pengayaan perbendaharaan kata *mathal* mempunyai peranan yang besar ini adalah kerana setiap *mathal* telah dicatat dan dibukukan semenjak zaman-berzaman, yang bermula dengan *mathal-mathal* Jahiliyah dan sebelumnya dan seterusnya *mathal-mathal* Islam di semua peringkat perkembangannya. Hal ini menjadikan semua perbendaharaan kata terus terpelihara dan tiada yang tercicir maupun tertinggal. Kesemua *mathal-mathal* ini adalah terdiri daripada *mathal-mathal fusha*. Penggunaan perbendaharaan kata pula diperluaskan.

Manakala dari segi pemeliharaan perbendaharaan kata pula *mathal* memberikan sumbangan yang besar. Hal ini kerana *mathal* yang diungkapkan semenjak dulu kala dan semenjak turun-temurun itu terus diungkapkan dengan menggunakan perkataan dan lafaz yang sama tanpa dilakukan ke atasnya sebarang tukar ganti maupun pengubahsuaian. Sekiranya terdapat sebarang pengubahsuaian ke atas

sesuatu *mathal* itu, ia tidak akan dianggap sebagai *mathal* lagi. Jadi dengan terpeliharanya pelbagai lafaz dan perkataan-perkataan dalam *mathal* itu akan membawa kepada terpeliharanya perbendaharaan kata Arab yang berkaitan dengannya.

#### **2.4.4 Kepentingan Dalam Aspek *al-Bala:ghat***

Kaitan antara *mathal* dengan ilmu Balaghah merupakan kaitan secara langsung. Ini kerana bahasa Arab itu sendiri terbahagi kepada dua iaitu bahasa kiasan dan bahasa bukan kiasan, sama seperti apa yang terdapat dalam bahasa-bahasa lain. Bahkan bahasa kiasan dalam bahasa Arab adalah lebih kompleks dan lebih banyak aspek kajiannya berbanding dengan bahasa kiasan yang terdapat dalam bahasa-bahasa lain.

Manakala *mathal* tergolong dalam golongan bahasa kiasan. Sebahagian besar daripada *mathal* dari segi pengungkapan dan susunan katanya adalah tergolong dalam *istiarah tamthiliyyah*. Ini sepertimana yang telah diterangkan.

Memandangkan *mathal* memiliki empat ciri yang khusus, sepertimana yang disebutkan sebelum ini, iaitu:

إِجَازُ اللَّفْظِ، إِصَابَةُ الْمَعْنَى، حُسْنُ التَّشْبِيهِ، جَوْدَةُ الْكِنَايَةِ

Maka peranannya di dalam ilmu balaghah adalah amat jelas sekali. Hal ini kerana keempat-empat perkara yang menjadi ciri kepada *mathal* itu merupakan bidang-bidang kajian dalam ilmu balaghah.

#### **2.4.5 Kepentingan *Mathal* Dalam Memelihara Gaya Bahasa Arab**

Gaya bahasa merupakan salah satu daripada kajian atau cabang dalam pengajian balaghah. Dengan demikian peranan *mathal* dalam pemeliharaan gaya bahasa Arab merupakan sesuatu yang besar dan penting. Peranan yang sebegini dapat dilihat apabila seseorang penutur mahupun penulis berupaya untuk mengungkapkan serta menerangkan sesuatu yang ingin disampaikan itu – yang terdiri daripada idea-idea yang panjang - dengan menggunakan ungkapan yang ringkas dan padat. Dalam hal ini penggunaan *mathal* merupakan cara yang amat berkesan. Hal ini kerana *mathal* merupakan pengalaman silam yang telah dilalui semenjak turun-temurun lagi.

#### **2.4.6 Kepentingan Di Dalam Kesusasteraan Arab**

Kajian terhadap kesusasteraan Arab terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu kesusasteraan Jahiliyah, kesusasteraan Islam dan kesusasteraan moden. Di dalam kajian terhadap kesusasteraan Jahiliyyah, kajian biasanya dilakukan terhadap puisi dan prosa. Dalam banyak keadaan banyak terdapat *mathal* termuat di dalam puisi-puisi Arab. Jadi pengkajian terhadap puisi Arab Jahiliyah itu secara tidak langsung membawa kepada pengkajian terhadap *mathal* itu sendiri.



#### **2.4.7 Kepentingan Dalam Aspek Sejarah**

Kepentingan *mathal* dalam aspek sejarah bangsa Arab adalah sama dengan pentingnya *mathal* itu terhadap kebudayaan dan peradaban Arab. Kajian terhadap *mathal* boleh mencerminkan keadaan orang-orang dan masyarakat Arab silam.

#### **2.4.8 Kepentingan Dalam Aspek Akhlak**

Secara umumnya kandungan *mathal* terdiri daripada perkara yang boleh merangsang seseorang yang mendengarnya ke arah melakukan perkara-perkara yang baik dan juga meninggalkan perkara-perkara keji dan terlarang. Contohnya banyak terdapat *mathal* yang mendorong orang ramai supaya bekerja dan meninggalkan sikap malas serta menerangkan akibat daripada perbuatan itu.

#### **2.4.9 Kepentingan Dalam Komunikasi Dan Penyampaian**

Cara penyampaian merupakan aspek yang amat penting dalam menentukan keberkesanan dalam komunikasi. Hal ini kerana sesuatu mesej yang disampaikan itu dari segi keberkesanannya mempunyai kaitan dengan beberapa aspek lain dalam komunikasi. Contohnya: Media yang digunakan oleh penyampai dalam menyampaikan mesejnya, situasi dan keadaan penerima semasa mesej disampaikan, kepentingan mesej kepada penerima, kesediaan penerima untuk menerima mesej semasa mesej disampaikan, gaya tarikan yang dapat diwujudkan oleh penyampai, semasa mesej disampaikan dan beberapa perkara lain lagi.

Kesemuanya ini memainkan peranan yang sangat penting ke arah keberkesanan mesej yang berkenaan.

Bercakap mengenai keberkesanan dalam komunikasi ianya bolehlah dibahagikan kepada dua. Pertama, kesan jangka pendek dan keduanya adalah kesan jangka panjang. Mengenai kesan jangka pendek tahap kejayaan sesuatu komunikasi itu terbahagi kepada beberapa peringkat, dimana ia dinilai dari, sejauh mana mesej yang disampaikan itu boleh diterima oleh penerima. Dengan demikian sesuatu mesej itu akan dianggap berjaya apabila penerima dapat menerima sepenuhnya isi kandungan yang disampaikan oleh penyampai. Dari segi kesan jangka panjang pula sesuatu mesej itu akan dianggap lebih berjaya apabila segala isi kandungannya dapat diterima sepenuhnya oleh penerima dan seterusnya dapat mempengaruhi penerima ke arah melakukan sesuatu tindakan, pergerakan, pertuturan, tindak balas dan lain-lain sepertimana yang dikehendaki oleh penghantar mesej (message sender). Seterusnya mesej berkenaan akan dianggap lebih tinggi lagi tahap kejayaannya apabila penerima mesej dapat meneruskan dan mengekalkan keadaan tersebut ke peringkat yang lebih jauh lagi.

Sehubungan dengan ini penulis hanya memfokuskan kepada isi kandungan bahasa dalam aktiviti berbahasa yang merupakan salah satu aspek yang penting dalam komunikasi. Dalam masyarakat Arab, *mathal* merupakan satu aspek kajian bahasa yang terkandung di dalamnya aspek-aspek berbahasa serta aspek budaya. Kedua-

duanya saling pengaruh-mempengaruhi antara satu sama lain. Dengan kata lain, budaya Arab didapati banyak mempengaruhi perkembangan bahasa Arab itu sendiri dan bahasa Arab pula banyak mempengaruhi budaya Arab itu sendiri. Jadi antara kedua-duanya saling menerima dan memberi.

Semenjak dulu kala lagi orang-orang Arab amat menyanjung peribahasa mereka sehingga ada dalam kalangan mereka yang menganggap peribahasa sebagai peraturan dan perlembagaan dan juga sebagai sumber hukum dimana ia menjadi tempat rujukan apabila berlaku sesuatu krisis yang memerlukan kepada penyelesaian. Manakala mereka yang mampu menggunakan peribahasa dalam komunikasi sesama mereka akan dianggap mempunyai kedudukan yang tinggi dan digolongkan dalam golongan atasan iaitu cendekiawan, budayawan bangsawan dan sebagainya. Jadi tujuan utama kajian ini adalah untuk menyelak, menggali dan mendedah ciri-ciri khusus yang terdapat dalam *mathal*, latar belakang budaya Arab serta beberapa perkara lain yang mempunyai kaitan serta pengaruh sama ada secara langsung dan tidak langsung terhadap aspek berbahasa. Di samping itu diharapkan ia dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap budaya Arab yang menjadi acuan kepada bahasa Arab itu sendiri.

Manakala dari sudut retorik pula akan didedahkan dari sudut ketepatan perbandingan dalam peribahasa-peribahasa tersebut. Kajian ini juga akan memfokuskan kepada keglobalan peribahasa tersebut. Sepertimana yang sedia

maklum bahawa peribahasa terdapat banyak peringkat . Ada antaranya yang mampu merentasi sempadan geografi dan ada yang sebaliknya, ada yang mampu menyeberangi sempadan adat dan agama dan yang sebaliknya dan ada pula yang dibatasi oleh sempadan masa dan ada yang sebaliknya dan ada yang terlalu flaksibel dan ada yang terlalu ketat.

Memandangkan kajian ini dilakukan di Malaysia, penulis merasakan ada baiknya jika kajian ini diselitkan dengan sedikit perbandingan antara *mathal* dengan peribahasa Melayu agar pengkaji-pengkaji bahasa Arab yang terdiri daripada orang Melayu akan dapat menghayati dengan lebih mendalam tentang *mathal*. Walau bagaimanapun perbandingan yang disebutkan itu tidaklan diadakan di bawah bab yang khusus, sebaliknya penulis akan menyelitkannya di mana-mana tempat yang sesuai agar ia lebih memudahkan pembaca dalam memahaminya.

#### **2.4.10 Kesimpulan**

Sebagai contoh dan kesimpulan kepada kepentingan *mathal* dalam berbagai-bagai bidang sepertimana yang disebutkan di atas penulis membawa satu *mathal* yang meliputi beberapa aspek yang disebutkan di atas. *Mathalnya* berbunyi:

أَفْرَعٌ بِالظَّيِّ وَفِي الْمَعْرِي دَنْتَرٌ

Maksudnya: Dia telah berkorban (menyembelih) kijang, sedang dia memiliki kambing yang banyak.

Dari segi sejarah dan peradaban, dalam *mathal* ini terdapat gambaran tentang amalan korban atau penyembelihan binatang yang dilakukan oleh masyarakat Arab Jahiliyah sepertimana yang diamalkan oleh mereka. Perkataan أفرع dalam *mathal* di atas diambil daripada perkataan أفرع . Perkataan ini merujuk kepada anak unta sulung. Jadi melalui *mathal* ini dapat digambarkan bahawa amalan korban yang dilakukan oleh masyarakat Arab Jahiliyah adalah dengan menyembelih anak unta sulung untuk dipersembahkan kepada tuhan mereka.

Manakala dari segi nahu pula didapati perkataan الظبي dalam *mathal* di atas, dari segi kedudukan I'ra:bnya adalah maf'u:l bih. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu ia boleh didahulukan dengan huruf ba:' tambahan. Dengan demikian apabila membentuk ayat yang serupa bolehlah ia dijadikan panduan sama ada dalam penulisan maupun dalam pertuturan.

Dari segi pengayaan perbendaharaan kata pula didapati perkataan أفرع telah digunakan untuk penyembelihan binatang-binatang lain selain daripada anak unta sulung. Ungkapan أفرع بالظبي bermaksud melakukan korban kijang. Di sini didapati makna أفرع telah diperluas daripada skop asalnya yang sempit dan khusus, iaitu penyembelihan anak unta sulung kepada skop yang lebih luas iaitu penyembelihan sebarang binatang. Dengan perkembangan ini ia memberi

sumbangan ke arah pertambahan perbendaharaan kata yang merujuk kepada korban ataupun sembelih.

Manakala perkataan دثر dalam *mathal* di atas penggunaannya merupakan sesuatu yang amat jarang, sama ada dalam pertuturan mahupun dalam penulisan. Jadi dengan terungkapnya perkataan ini dalam *mathal*, ia akan selamat dan terpelihara daripada ditelan zaman.

Dari segi balaghah pula, mana-mana *mathal* kesemuanya digolongkan di dalam isti'rat tamthi:liyat. Dengan ciri-ciri yang dimiliki oleh *mathal* itu iaitu:

إيجاز اللفظ، إصابة المعنى، حسن التشبيه، جودة الكناية ia akan dapat melampui makna asalnya tanpa suatu had masa, tempat dan lain-lain asalkan terdapatnya kesamaan di antara *mathal* ini dengan situasi yang wujud pada ketika itu.

Manakala dari segi akhlak pula *mathal* menggambarkan bahawa sesuatu amalan, perbuatan, ibadat dan lain-lain itu hendaklah dilakukan dengan cara yang paling baik dan sempurna. *Mathal* ini menggambarkan bahawa menyembelih kambing untuk korban itu adalah sesuatu yang lumrah dan biasa. Jadi untuk meningkatkan martabatnya, penyembelihan berpindah daripada yang biasa, iaitu kambing kepada sesuatu yang lebih tinggi, iaitu binatang buruan yang terdiri daripada kijang.

Orang yang memakan binatang buruan disifatkan oleh orang-orang Arab sebagai كَرِيم المَأْكَل. Keadaan ini berbeza daripada apa yang terdapat di dalam “Syariat Islamiyyat” dimana binatang korban telah ditentukan tanpa boleh ditukar ganti dengan yang lain.

Dengan pemaparan beberapa *mathal* yang memberikan pemerian terhadap hakikat dan realiti serta kepentingan *mathal* itu diharapkan gambaran tentang *mathal* menjadi lebih jelas dan lebih terang.

## **2.5 Kandungan *Mathal***

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa ada pelbagai bahan yang digunakan dan dibentuk daripadanya *mathal*. Ada *mathal* yang terdiri daripada orang, nama tempat, binatang, tumbuh-tumbuhan dan macam-macam lagi yang terdapat di atas alam semulajadi ciptaan Allah SWT ini.

### **2.5.1 Orang Dalam *Mathal***

Dimaksudkan dengan orang di sini ialah orang-orang yang terkenal, individu atau personaliti dengan sifat atau cirinya yang tersendiri atau pekerjaan yang tertentu:

1- Ibu Nabi Musa (Maryam AS.):

# 1 أَفْرَغُ مِنْ فُؤَادِ أُمِّ مُوسَى

Maksudnya: Lebih kosong daripada hati sanubari ibu Musa.

Cerita mengenai Sayyidatuna Maryam telah diceritakan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an. Firman Allah SWT:



Maksudnya: Dan menjadi kosonglah hati ibu Musa. Sesungguhnya hampir saja ia menyatakan rahsia tentang Musa, seandainya tidak kami teguhkan hatinya, supaya ia termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman (percaya kepada janji Allah).

<sup>1</sup>al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm.471

<sup>2</sup> al-Qasas, 28:10

القرطبي:قوله تعالى : وأصبح فؤاد أم موسى فارغا قال ابن مسعود وابن عباس والحسن و مجاهد و عكرمة و قتادة و الضحاك و أبو عمران الجوني و أبو عبيدة : فارغا أي خالياً من ذكر كل شيء في الدنيا إلا من ذكر موسى . وقال الحسن أيضاً و ابن إسحاق و ابن زيد : فارغا من الوحي إذ أنحي إليها حين أمرت أن تلقيه في البحر ولا تخافي ولا تحزني والعهد الذي عهده إليها أن يردكه ويجعله من المرسلين ، فقال لها الشيطان : يا أم موسى كرهت أن يقتل فرعون موسى ففرقتيه أنت ! ثم بلغها أن ولدها وقع في يد فرعون فانساها عظم البلاء ما كان من عهد الله إليها . وقال أبو عبيدة : ( فارغاً ) نافرأ . الكسائي : ناسياً ذاهلاً . وقيل : والهأ ، رواه سعيد بن جبير ابن القاسم عن مالك : هو ذهاب العقل ، والمعنى أنها حين سمعت بوقوعه في يد فرعون طاء عقلها من فرط الجزع والدهش ، ونحوه قوله تعالى : وأفندتهم هواء [ إبراهيم : 43 ] أي جوف لا عقول لها كما تقدم في سورة ( إبراهيم ) . وذلك أن القلوب راكز العقول ، ألا ترى إلى قوله تعالى : فتكون لهم قلوب يعقلون بما [ الحج : 46 ] ويدل عليها قراءة من قرأ : ( فرغاً ) . النحاس أصح هذه الأقوال الأول ، والذي قالوه أعلم بكتاب الله عزوجل ، فإذا كان فارغاً من كل شيء إلا من ذكر موسى فهو فارغ من الوحي

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=28&TafseerNo=1&ayaNo=10> (Disember 2007)



Setelah ibu Musa menghanyutkan Musa di sungai Nil, maka timbullah penyesalan dan kesangsian hatinya lantaran kebimbangan atas keselamatan Musa bahkan hampir-hampir ia berteriak meminta tolong kepada orang untuk mengambil anaknya itu kembali, yang akan mengakibatkan terbukanya rahsia bahawa Musa adalah anaknya sendiri.

2- 'Isa:m

نَفْسُ عِصَامٍ سَوَّدَتْ عِصَامًا<sup>1</sup>

Maksudnya: 'Isa:m sendirilah yang menjadikan dirinya tuan.

Penggunaannya adalah dalam memberikan gambaran mengenai seseorang yang telah mencapai kemuncak kejayaan melalui hasil usaha dan penat lelahnya sendiri.

Mengikut cerita asalnya bahawa 'Isa:m telah bekerja kuat dan hasilnya dia telah mampu menjadi pemimpin kepada kaumnya<sup>2</sup>.

3-Shan Dan Tabaqat:

وَإِذَا شَأْنٌ طَبَقَ<sup>3</sup>

Maksudnya: Shan menyetujui Tabaqah.

---

<sup>1</sup> al-'Askariyy, jld.2, hlm.312.

<sup>2</sup> Ibid. jld.2, hlm.312.

<sup>3</sup> al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.418.

*Mathal* ini digunakan untuk menyatakan adanya persefahaman, persetujuan keserasian, kesepakatan dan kesamaan dari segi pemahaman dan juga dari segi ketinggian tahap pemikiran antara pasangan suami isteri, rakan kongsi dan juga antara anggota dalam sesuatu komuniti dan lain-lain seumpamanya.

Shan merupakan seorang pemuda yang pintar, telah keluar menjelajah negerinya dengan tujuan untuk mencari bakal isteri yang sepadan dengannya. Pencarian Shan berakhir dengan perkahwinan dengan puteri idamannya setelah melalui babak-babak yang amat menarik.<sup>1</sup>

Sebahagian daripada makna *mathal* ini terdapat dalam peribahasa Melayu yang berbunyi “bagai pinang dibelah dua”<sup>2</sup>. Biasanya peribahasa ini digunakan untuk menunjukkan kesepadanan antara pasangan pengantin dari segi rupa paras sahaja.

#### 4- Sinimma:r

جَزَاءُ سِنِّمَارٍ<sup>3</sup>

Maksudnya: Balasan Sinimma:r

---

<sup>1</sup> al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.418.

<sup>2</sup> Abdullah Hassan et al, 1996, hlm. 38.

<sup>3</sup>al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 283

Penggunaan *mathal* ini adalah untuk menyatakan tentang balasan buruk yang diterima daripada perbuatan baik yang diberikan.

Mengikut cerita Sinimma:r adalah seorang jurutera binaan yang handal zaman pemerintahan Raja Nu`ma:n Kerajaan Hirah. Sinimma:r telah diminta supaya membina sebuah istana yang sangat cantik. Namun sebagai balasan pihak istana telah memerintahkan supaya Sinimma:r dibunuh.<sup>1</sup> Mathal ini ada persamaannya dengan peribahasa Melayu: Diberi madu dibalas dibalas tuba.

5- Musaylamat:

أَكْذَبُ مِنْ مُسَيَّلَمَةٍ<sup>2</sup>

Maksudnya: Lebih dusta daripada Musaylamat.

*Mathal* ini digunakan untuk menggambarkan tentang seseorang yang sangat kuat berbohong dan berdusta. Dari segi penggunaannya samalah dengan penggunaan peribahasa Melayu: Lidah biawak.

6- Juhaynat:

عِنْدَ جُھَيْنَةَ الحَبْرِ اليَقِينُ<sup>3</sup>

Maksudnya: Juhaynat memiliki berita yang meyakinkan.

---

<sup>1</sup> al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 283.

<sup>2</sup> Ibid, jld 3, hlm. 75

<sup>3</sup> Ibid, jld. 3, hlm. 319

*Mathal* ini digunakan untuk menyatakan atau memperakui kebenaran sesuatu berita atau maklumat.

Juhainat ialah nama bagi suatu kabilah. Panggilan Juhainah ini telah bertukar kepada seorang lelaki yang datangnya daripada kabilah tersebut apabila namanya tidak diketahui<sup>1</sup>.

7- Juhayzat:

قَطَعَتْ جُهَيْزَةً قَوْلَ كُلِّ حَاطِبٍ<sup>2</sup>

Maksudnya: Juhayzat mematahkan percakapan semua pemedato.

*Mathal* ini digunakan untuk menyatakan bahawa kata putus telah didapati selepas berlakunya sesuatu perbahasan, perbincangan dan sebagainya. Juhaizat adalah nama seorang amah yang telah membawa satu pendapat yang boleh diterima oleh kedua-dua belah pihak yang bertelingkah tentang *diat* iaitu denda atau ganti rugi terhadap satu pembunuhan yang telah berlaku.

8-Hadha:mi:

الْقَوْلُ مَا قَالَتْ حَذَامٌ<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 319

<sup>2</sup> Ibid, jld.2 , hlm. 474

<sup>3</sup>Ibid, al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm. 49.

Maksudnya: Kata-kata yang sebenar (pendapat yang bernas) adalah apa yang diucapkan oleh Hadha:mi.

*Mathal* ini digunakan untuk menyatakan bahawa sesuatu pandangan dan pendapat itu lahir daripada seseorang yang boleh diterima dan dipercayai.

Haza:mi adalah seorang perempuan yang sangat bijak dalam membuat sesuatu keputusan. Beliau adalah isteri kepada Lujaym bin Sa‘b<sup>1</sup>.

9- Hali:maṭ:

مَا يَوْمٌ حَلِيمَةٌ بِسِرٍّ<sup>2</sup>

Maksudnya: Peristiwa Hali:maṭ bukanlah rahsia.

Hali:maṭ adalah seorang gadis yang amat jelita, anak perempuan kepada salah seorang pemimpin Arab, iaitu al-Ha:rith bin Abi: Shamar. Ketika ayahnya menghantar tentera untuk menyerang al-Mundzir bin Ma:’ al-Sama:’ Hali:maṭ telah mengenakan haruman kepada setiap tentera bapanya. Ini menjadikan setiap tentera itu berperang dengan semangat yang tinggi. Kemenangan telah berpihak kepada bapa Hali:maṭ hasil daripada tindakannya itu. Peristiwa itu menjadi peristiwa yang termasyhur kalangan orang Arab.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>al-Mayda:niyy, jld.2, hlm. 499.

<sup>2</sup>al-‘Askariyy, jld.2, hlm.233.

<sup>3</sup>al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.259.

*Mathal* ini digunakan untuk menerangkan sesuatu yang masyhur dan diketahui ramai.

10- Mu‘aydiyy:

تَسْمَعُ بِالْمَعْيَدِيِّ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَرَاهُ<sup>1</sup>

Maksudnya: Lebih baik dengar tentang Mu‘aydiyy daripada melihatnya.

*Mathal* ini digunakan untuk menyatakan bahawa apa yang didengar adalah tidak sama atau pun tidak sehebat dengan apa yang dilihat.

Sesetengah orang menjadi terkenal dengan sifatnya yang terpuji dan berita mengenainya tersebar luas. Akan tetapi kadang kala apabila diselidik didapati ia berbeza daripada apa yang tersebar mengenainya, bahkan apa yang didapatinya adalah sebaliknya. Ini bersamaan dengan peribahasa Melayu yang berbunyi: “Indah khabar dari rupa”.

Daripada apa yang dikemukakan di atas didapati *mathal-mathal* yang terbentuk daripada nama orang ini, mempunyai beberapa keadaan. Ada yang berkaitan dengan keistimewaan yang dimiliki oleh seseorang itu, ada pula yang berkaitan dengan sifat keterlaluan, dan ada pula yang berkaitan dengan kedudukan

---

<sup>1</sup> al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.227.

seseorang dalam masyarakat dan ada pula yang berlaku secara kebetulan dan dikaitkan dengan peristiwa yang tertentu.

### 2.5.2 Bandar-bandar Dalam *Mathal*

Selain daripada nama-nama orang, benda, binatang dan tumbuh-tumbuhan, nama tempat juga turut dijadikan *mathal*. Sebagai contoh di bawah ini penulis mengutarakan beberapa *mathal* yang menggunakan nama tempat.

Pertama: Mekah:

أَهْلُ مَكَّةَ أَدْرَى بِشِعَابِهَا<sup>1</sup>.

Maksudnya: Penduduk Mekah (sendiri) lebih tahu tentang kampung-kampung di Mekah.

*Mathal* ini digunakan untuk menyatakan bahawa orang-orang yang berkaitan atau pakar dalam bidang tertentu sahaja yang mampu mengenali selok-belok sesuatu tempat atau sesuatu benda. *Mathal* ada persamaan makna dengan peribahasa Melayu yang berbunyi: Jauhari juga yang mengenal manikam<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup>al-Bayru:niyy, hlm.47.

<sup>2</sup> Abdullah Hassan et al, hlm.117.

Kedua: Sana‘a:’:

لَا بُدَّ مِنْ صَنَعَا وَإِنْ طَالَ السَّفَرُ<sup>1</sup>.

Maksudnya: Walaupun jauh perjalanan, Sana‘a:’ mesti (dikunjungi)

*Mathal* ini digunakan untuk menyatakan sesuatu yang mesti dilakukan, disebabkan oleh kepentingannya.

Ketiga: Madinah.

لَا يُفْتَى وَمَالِكٍ فِي الْمَدِينَةِ<sup>2</sup>.

Maksudnya:(Orang lain) tidak memberi fatwa selagi (Ima:m) Ma:lik berada di Madinah.

*Mathal* ini digunakan untuk menyatakan bahawa tanggungjawab tidak boleh dipikul oleh seseorang yang mempunyai kedudukan lebih rendah selagi orang yang tertinggi masih ada.

---

<sup>1</sup> ‘A:bidin, hlm.89.

<sup>2</sup> al-Bakriyy, hlm. 66.



### 2.5.3 Binatang-binatang

*Mathal* yang berkaitan dengan binatang terutama sekali binatang buruan merupakan fokus utama kajian ini. Ini dibentangkan dalam bab empat hingga bab enam.

### 2.5.4 Lain-lain

Selain daripada orang, bandar, binatang banyak lagi benda yang terdapat dalam persekitaran hidup orang-orang Arab Jahiliyah yang menjadi kandungan *mathal*. Di sini penulis tidak akan mengemukakan contoh-contohnya. Rasanya memadai dengan contoh-contoh yang telah disebutkan di atas.

## 2.6 Tujuan-tujuan *Mathal*

*Mathal* dengan ciri-cirinya sepertimana yang disebutkan sebelum ini mempunyai berbaga-bagai tujuan yang khusus bagi setiap *mathal* yang diungkapkan itu. Di sini penulis membawa beberapa *mathal* sebagai contoh kepada tujuan-tujuan daripada pengungkapnya serta contoh kepada penggunaannya.

1- Menyatakan perubahan ke arah yang lebih baik

إِنَّ الْبُغَاثَ بِأَرْضِنَا يَسْتَنْسِرُ<sup>1</sup>

Maksudnya: Burung Bugha:th di negeri kita menjadi helang.

---

<sup>1</sup> al-‘Askariyy, jld.1, hlm.197.

Burung Bughath merupakan sejenis burung yang kecil lagi lemah. Penggunaan *mathal* ini adalah untuk menunjukkan seseorang yang lemah itu telah mula menjadi kuat, atau yang miskin telah berubah menjadi kaya dengan adanya keamanan dan kemakmuran sepertimana yang terdapat di negeri kita.

2- Menyatakan kehebatan yang tiada tolok bandingnya.

إِنَّهُ لَصَلْبٌ أَصْلَابٍ<sup>1</sup>

Maksudnya: Dia adalah ular bisa (raja) bagi segala ular bisa.

Penggunaannya pada kebiasaannya untuk menyatakan kehebatan seseorang dalam mengalahkan lawannya dengan mudah. Juga digunakan untuk menggambarkan seseorang yang dapat mematahkan hujah-hujah kuat lawannya dengan senang.

3- Menyatakan janji yang tidak ditepati.

إِنَّمَا هُوَ كَبْرَقِ الْخُلْبِ<sup>2</sup>

Maksudnya: Sesungguhnya dia adalah umpama guruh yang tidak membawa hujan.

*Mathal* ini digunakan untuk menggambarkan janji-janji yang tidak ditepati.

4- Gesaan meninggalkan pekerjaan yang tidak mampu dilakukan.

---

<sup>1</sup> Sil adalah sejenis ular yang sangat bisa, terdapat di Semenanjung Arab. Mangsa patukannya boleh mati serta-merta.

<sup>2</sup>al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.46.

إِذَا ضَرَبْتَ فَأَوْجِعْ وَإِذَا رَجَرْتَ فَاسْمِعْ<sup>1</sup>

Maksudnya: Sekiranya kamu memukul biar sampai sakit, sekiranya meraung atau menjerit biar sampai didengar.

*Mathal* ini digunakan untuk menggesa orang ramai apabila melakukan sesuatu biarlah sehingga mendapat hasilnya. Jika tidak, tinggalkan dan jangan diteruskan.

5- Menyatakan sesuatu yang kuat itu ada yang lebih kuat daripadanya.

إِنْ كُنْتَ رِيحًا فَقَدْ لَاقَيْتَ إِعْصَارًا<sup>2</sup>

Maksudnya: Sekiranya engkau merupakan angin, engkau akan menghadapi ribut taufan.

*Mathal* ini digunakan untuk memberikan peringatan kepada mereka yang merasakan diri mereka besar, dengan kata lain untuk mengingatkan orang-orang yang takabur.

6- Memberi gambaran tentang seseorang yang cerdik dan pandai mencari peluang untuk mendapat faedah yang maksimum daripada apa yang dilakukannya.

إِنَّهُ لَيَعْلَمُ مِنْ أَيْنَ تُؤْكَلُ الْكُتَيْفُ<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid, Jilid 1 , hlm. 49.

<sup>2</sup> al-'Askariyy, jld.2, hlm.370.

<sup>3</sup> al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 70.

Maksudnya: Dia mengetahui dari manakah (mula) dimakan (daging) bahu.

Daging bahu adalah merupakan bahagian yang paling lembut. Akan tetapi untuk mendapatkannya adalah sesuatu yang sukar bagi mereka yang tidak mengetahui selok beloknya. Manakala bagi mereka yang mengetahuinya adalah sesuatu yang senang sahaja.

7- Menyatakan sikap tidak mengenang budi.

لَمَّا اسْتَدَّ سَاعِدُهُ رَمَانِي<sup>1</sup>

Maksudnya: Apabila lengannya menjadi lurus dia memamahku.

Digunakan untuk menyatakan seseorang yang tidak mengenang budi, setelah dilakukan berbagai-bagai kebaikan kepadanya, dia membalasnya dengan kejahatan.

Berikut beberapa bait puisi yang mendukung *mathal* ini:<sup>2</sup>

فِيَا عَجَبًا لِمَنْ رَتَيْتُ طِفْلًا      أَلْقَمُهُ بِأَطْرَافِ الْبَنَانِ  
أَعْلَمُهُ الرَّمَايَةَ كُلَّ يَوْمٍ      فَلَمَّا اسْتَدَّ سَاعِدُهُ رَمَانِي  
وَكَمْ عَلَّمْتُهُ نَظْمَ الْقَوَائِي      فَلَمَّا قَالَ قَافِيَةً هَجَانِي  
أَعْلَمُهُ الْفُتُوَّةَ كُلَّ وَقْتٍ      فَلَمَّا طَرَّ شَارِبُهُ جَفَانِي

Maksudnya:

<sup>1</sup> al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 130.

<sup>2</sup> Ibid, jld.3, hlm.130.

Pelik, yang kubela semenjak bayi. Dia telah kusuap menggunakan jari.  
Kuajarnya memamah setiap hari. Bila lengannya lurus aku yang dipanahi.  
Banyak sudah kuajarnya puisi. Bila berpuisi aku yang dicaci.  
Kuajarnya berani setiap hari. Apabila bermisai aku ditinggalnya pergi.

8- Menyatakan hilangnya kepercayaan terhadap orang yang pernah mungkir janji.

كَيْفَ أَعَاوِدُكَ وَهَذَا أَتْرُ فَأَسِيكَ<sup>1</sup>

Maksudnya: Bagaimana aku boleh mempercayai kamu semula, sedangkan ini (masih ada) kesan kapak kamu.

9- Menyatakan keadaan yang tenang dan tenteram.

كَأَنَّ عَلَى رُؤُوسِهِمُ الطَّيْرَ.<sup>2</sup>

Maksudnya: Seolah-olah terdapat burung di atas kepala mereka.

Hal ini adalah kerana orang-orang Arab yang menggunakan burung helang untuk berburu, mereka akan meletakkan burung helang itu di atas kepala atau di atas bahu mereka. Dalam masa yang sama mereka akan mengurangkan pergerakan dan memperlahankan percakapan mereka, supaya burung mereka tidak terkejut, terperanjat dan terbang lari.

---

<sup>1</sup> al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 27.

<sup>2</sup> Ibid, jld.3, hlm. 29.

Selain dari itu adalah menjadi kebiasaan kepada burung-burung, ia tidak akan turun di tempat-tempat yang sibuk dan bising. Ia akan mencari tempat yang tenang untuk berbuat demikian.

10- Menyatakan percubaan untuk menyelesaikan masalah dengan sesuatu yang boleh membawa kepada natijah yang lebih buruk.

<sup>1</sup> كَالْمِسْتَعِيثِ مِنَ الرَّمْضَاءِ بِالنَّارِ.

Maksudnya: Umpama meminta pertolongan daripada api dalam mengatasi kepanasan.

*Mathal* ini berasal daripada bait puisi yang berbunyi:

المِسْتَجِيرُ بِعَمْرٍو عِنْدَ كُرْبَتِهِ      كَالْمِسْتَعِيثِ مِنَ الرَّمْضَاءِ بِالنَّارِ<sup>2</sup>

Maksudnya:

Meminta pertolongan daripada ‘Amru ketika dalam kesusahan tak ubah seperti meminta pertolongan daripada api dalam mengatasi kepanasan.

11- Menyatakan bahawa setiap apa yang dilafazkan, ada yang mendengarnya

<sup>1</sup> لِكُلِّ سَاقِطَةٍ لَأَقِطَةٌ

---

<sup>1</sup> al-‘Askariyy, jld.2, hlm. 160 .

<sup>2</sup> Ma:zin al-Muba:rak, hlm.104.

Maksudnya: Setiap sesuatu yang jatuh itu ada pula yang memetikinya.

*Mathal* ini bertujuan untuk memberikan ingatan kepada setiap orang yang bercakap supaya berwaspada dan sentiasa menjaga tutur katanya.

12- Menyatakan persamaan antara dua orang

هُمَا كَفَرَسَيِّ رِهَانٍ<sup>2</sup>

Maksudnya: Mereka berdua sama seperti dua ekor kuda pertaruhan.

Kuda-kuda yang digunakan dalam mana-mana pertaruhan biasanya mempunyai persamaan dalam berbagai-bagai aspek seperti kelajuan, ketangkasan, ketahanan dan lain-lain lagi.

13- Menyatakan kemasyhuran

وَهَلْ يَخْفَى عَلَى النَّاسِ الْقَمْرُ<sup>3</sup>

Maksudnya: Bolehkah bulan bersembunyi daripada manusia.

Sememangnya bulan tidak boleh bersembunyi kerana semua orang tahu kedudukannya. Begitulah juga keadaannya orang-orang yang terkenal.

14- Menyatakan bahawa setiap individu itu kagum terhadap golongannya.

كُلُّ فِتَاةٍ بِأَيِّهَا مُعْجَبَةٌ<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> al-‘Askariyy, jld.1, hlm.207 .Lihat juga: al-Mayda:niyy, jld. 3, hlm.115.

<sup>2</sup> al-‘Askariyy, jld. 2, hlm.369 .

<sup>3</sup> Ma:zin al-Muba:rak, hlm.127. Lihat juga: al-Mayda:niyy, jld.3 , hlm.500.

Maksudnya: Setiap gadis mengagumi bapanya.

*Mathal* ini terungkap apabila beberapa orang gadis masing-masing menceritakan kebaikan dan kelebihan yang dimiliki oleh bapa-bapa mereka. Lalu berlakulah pertelingkahan antara mereka tentang bapa siapakah yang terbaik. Untuk memutuskannya mereka sepakat untuk mendapatkan khidmat seorang pengadil. Setelah mendengar penerangan daripada setiap gadis itu pengadil tersebut mengungkapkan *كل فتاة بأبيها معجبة* dimana ungkapan ini terus menjadi *mathal* sehingga ke hari ini.<sup>2</sup>

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa dalam pengungkapan *mathal* terdapat berbagai-bagai tujuan. Dan ia terlalu banyak dan tidak membolehkan penulis untuk memaparkan kesemuanya di sini. Penulis mengharapkan dengan beberapa contoh yang dipaparkan itu akan dapat mencerminkan banyak tujuan lain dalam pengungkapan *mathal-mathal*.

## **2.7 *Mathal-mathal* Yang Masyhur Dan Pengungkapnya**

Di bawah ini penulis membawa beberapa *mathal* berserta dengan orang yang mengungkapnya yang sentiasa digunakan dan juga digunakan dengan meluas dalam penulisan dan juga dalam percakapan sama ada percakapan biasa atau pun pidato, penghujahan dan sebagainya.

---

<sup>1</sup> al-'Askariyy, jld. 2 , hlm.142.

<sup>2</sup>Si:niyy et al, hlm.141.



*Mathal 1:*

عِنْدَ الصَّبَاحِ يَحْمَدُ الْقَوْمُ الشُّرَى<sup>1</sup>

Maksudnya: Ketika (tibanya waktu) pagi semua orang memuji perjalanan malam.

Ungkapan ini telah dibuat oleh Khalid bin al-Walid setelah beliau berjaya merentasi padang pasir sahara yang teramat gersang lagi panas ketika beliau dan angkatan tenteranya memerangi tentera Farsi di Iraq.<sup>2</sup>

*Mathal* ini digunakan untuk memberi galakan dan semangat kepada mereka yang melakukan sesuatu pekerjaan yang sukar, untuk terus tekun dan bersabar dalam menghadapinya. Ini adalah sama dengan apa yang telah dijanjikan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an, firmanNya:

﴿عِنْدَ الصَّبَاحِ يَحْمَدُ الْقَوْمُ الشُّرَى﴾<sup>3</sup>

Maksudnya: Kerana sesungguhnya selepas kesulitan itu ada kemudahan,.

Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan.

*Mathal 2:*

اللَّيْلُ طَوِيلٌ وَأَنْتَ مُقَمَّرٌ<sup>1</sup>

<sup>1</sup> A:bidin, hlm.112.

<sup>2</sup> Si:niyy et al, hlm.138.

<sup>3</sup> al-Sharh, 94:5 dan 6.

Maksudnya: Malam masih panjang dan engkau bermandikan cahaya bulan.

*Mathal* ini diungkapkan oleh Sulayk bin Sulkaṭ. *Mathal* ini digunakan untuk menunjukkan kesabaran dan kecermatan dalam mendapatkan sesuatu yang dicari dan diusahakan.

*Mathal* 3:

إِيَّاكُمْ وَخَضِرَاءَ الدَّمَنِ<sup>2</sup>

Maksudnya: Awaslah atau beringatlah tentang kehijauan perosak.

*Mathal* ini diungkapkan oleh Baginda Rasulullah. Apabila ditanya maksud خضراء الدمن Baginda menjawab: الحسناء في المنبت السوء maksudnya ialah: gadis cantik yang berpendidikan buruk.

*Mathal* Hadis ini memberi panduan serta ingatan kepada mereka yang ingin memilih pasangan hidup supaya tidak memusatkan pilihan mereka kepada rupa paras semata-mata dengan tidak mengambil kira aspek-aspek lain yang boleh mempengaruhi keharmonian alam rumah tangga dan kekeluargaan.

---

<sup>1</sup>Ya'qu:b, hlm.53. Lihat juga: al-'Askariyy, jld.2, hlm.189 .

<sup>2</sup> Mahmu:d, hlm.83.

الحديث أخرجه الدارقطني في الأفراد ولفظه: إياكم وخضراء الدمن، قالوا: وما خضراء الدمن؟ يا رسول الله، قال: المرأة الحسناء في المنبت السوء.

*Mathal* 4:

إِنَّكَ لَا تَجْنِي مِنَ الشُّوكِ الْعِنَبِ<sup>1</sup>

Maksudnya: Engkau tidak akan menuai anggur daripada pokok duri.

*Mathal* ini bertujuan untuk menyatakan bahawa sesuatu usaha itu biasanya akan mendatangkan hasil yang bersesuaian dan berpatutan dengan apa yang diusahakan.

*Mathal* ini diungkapkan oleh Aktham bin Sayfi: *Mathal* ini mempunyai maksud yang sama dengan *mathal* yang berikut:

إِذَا هَزَزْتَ فَأَهْزَزْ كَرِيماً يَلِنَ لِهَزَّتِكَ وَلَا تَهْزِزْ لَيْمًا فَإِنَّ الصَّخْرَةَ لَا يَنْفَجِرُ مَاؤُهَا<sup>2</sup>.

Maksudnya: Sekiranya engkau menggoncang, goncanglah orang yang pemurah, nescaya dia akan berlembut dengan goncangan kamu itu. Dan janganlah kamu goncang orang yang tercela, kerana (dari) batu tidak akan terpancut airnya.

Ia juga sama maksud dengan puisi yang diungkapkan oleh Imam Sha:fe`iyy (r.a). yang berbunyi:

وَلَا تَرْجُو السَّمَاحَةَ مِنْ لَيْمٍ فَمَا فِي النَّارِ لِلظَّمَانِ مَاءٌ<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 86.

<sup>2</sup>Zelhaim, hlm. 73.

<sup>3</sup>al-Sha:fiyy, hlm. 109.

Maksudnya: Janganlah engkau mengharapkan belas kasihan daripada orang yang tercela. Sesungguhnya dalam api tidak terdapat air untuk (diminum) orang yang dahaga.

*Mathal 5:*

أَنَا دُونَ هَذَا وَفَوْقَ مَا فِي نَفْسِكَ<sup>1</sup>

Maksudnya: Aku tak sampai ke peringkat ini, akan tetapi lebih tinggi daripada apa yang terdapat dalam diri kamu.

*Mathal* ini diungkapkan oleh Saidina Ali Bin Abi Talib (k.w.), apabila beliau dipuji dengan tujuan bermuka-muka oleh seorang lelaki. Dalam *mathal* di atas apa yang dimaksudkan oleh Saidina Ali ialah: Apa yang engkau perkatakan yang terdiri daripada puji-pujian kepadaku itu, sebenarnya aku tidaklah sampai ke peringkat itu. Namun aku tetap lebih baik daripada apa yang tersirat dan tersembunyi dalam hati sanubarimu itu.

*Mathal 6:*

أَكَلْتُمْ ثَمَرِي وَعَصَيْتُمْ أَمْرِي<sup>2</sup>

Maksudnya: Kamu makan kurmaku dan mengingkari suruhanku.

---

<sup>1</sup>al-Asbaha:niyy, hlm.91.

<sup>2</sup>al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm. 135. Lihat juga: al-Fa:ra:biyy,hlm.129.

*Mathal* ini diungkapkan oleh Abdullah bin al-Zubayr (r.a). *Mathal* ini digunakan dalam menerangkan dan menyatakan ketidaksetiaan seseorang kepada orang yang patut ditaati dan dipatuhi.

*Mathal* 7:

رَحِمَ اللَّهُ مَنْ أَهْدَى إِلَيَّ عَيُوبِي<sup>1</sup>

Maksudnya: Semoga Allah memberi rahmat kepada sesiapa yang telah menunjukkan kepadaku kesalahan dan kecacatanku.

*Mathal* ini diungkapkan oleh ‘Umar Bin ‘Abd al-Azi:z (r.a.) *Mathal* ini digunakan untuk memberi galakan kepada orang lain supaya memberikan teguran yang membina.

Mathal 8:

الظُّلْمُ مَرْتَعَةٌ وَخَيْمٌ<sup>2</sup>

Maksudnya: Kezaliman itu padang ragutnya membawa penyakit. Dengan kata lain bahawa kezaliman itu membawa padah kepada yang melakukannya.

---

<sup>1</sup>al-Ra:ziyy, hlm.170.

<sup>2</sup>al-‘Askariyy, jld. 2, hlm.28 .

*Mathal* ini diungkapkan oleh Hunayn bin Khashram al-Sa'diyy. *Mathal* ini digunakan untuk memberi amaran kepada orang ramai supaya tidak melakukan kezaliman terhadap mana-mana pihak, kerana orang yang melakukannya tetap akan menerima padahnya.

*Mathal* 9:

أَسَاءَ سَمِعًا فَأَسَاءَ جَابَةً<sup>1</sup>

Maksudnya: Buruk pendengaran maka buruklah jawabannya.

*Mathal* ini diungkapkan oleh Sahl bin 'Amru al-'A:miriyy (r.a).

*Mathal* ini digunakan untuk meberikan peringatan kepada orang ramai supaya sentiasa teliti dan cermat dalam mendengar sesuatu yang dicakapkan yang terdiri daripada berita, suruhan, larangan dan sebagainya. Hal ini kerana ketidaktelitian dalam perkara yang tersebut akan membawa kepada tindak balas yang berbeza daripada apa yang sepatutnya.

*Mathal* 10:

سَمِّنْ كَلْبَكَ يَا كَلْبَكَ<sup>2</sup>

Maksudnya: Gemukkan anjing kamu, kelak dia akan memakan kamu.

---

<sup>1</sup>al-Asbaha:niyy, hlm.87.

<sup>2</sup>Zelhaim, hlm. 33. Lihat juga: al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm. 106.

*Mathal* ini diungkapkan oleh Ha:zim bin al-Mundhir. *Mathal* ini digunakan untuk memberi peringatan kepada mereka yang pernah berbuat baik kepada orang lain supaya berwaspada terhadap tindak tanduk yang tidak diinginkan dan tidak diduga yang mungkin dilakukan oleh orang yang menerima budinya itu.

Daripada apa yang dipaparkan di atas didapati bahawa *mathal-mathal* yang terkenal dan digunakan dengan meluas itu diungkapkan oleh orang-orang yang terkenal dan mempunyai kedudukan.

## **2.8 Pengumpulan *Mathal*:**

Semenjak awal lagi orang-orang Arab telah memberikan perhatian yang berat dalam pengumpulan bahan-bahan bahasa termasuk *mathal*. Keadaan ini bermula apabila penulisan mula menjadi sesuatu yang mudah dan penguasaan terhadap tulisan mula berkembang luas dalam kalangan mereka. Pada masa ini bahan-bahan bahasa termasuk *mathal* telah mendapat tempat dalam kalangan para pengumpul dan penyelidik. Hal ini kerana *mathal* merupakan warisan Arab yang terpenting.

Dorongan ke arah pencarian dan pengumpulan bahan bahasa (termasuk *mathal*) daripada penutur tulin yang tinggal di pedalaman Semenanjung Arab adalah seperti berikut:<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>al-Sha:ṭir, 1983, hlm.6 dan 7.

- 1- Merebaknya penyakit kecacatan berbahasa dalam kalangan sesetengah kabilah Arab. Sebenarnya penyakit ini wujud semenjak zaman Rasulullah SAW lagi di mana seorang lelaki telah menggunakan bahasa yang cacat di depan Rasulullah SAW. Lantas Rasulullah SAW bersabda:

أَرشِدُوا أَخَاكُمْ فَإِنَّهُ قَدْ ضَلَّ<sup>1</sup>

Bimbinglah saudaramu ini sesungguhnya dia telah sesat.

Hadis ini menunjukkan bahawa sesetengah kabilah telah menghadapi masalah kecacatan bahasa. Manakala penggunaan bahasa dengan cara yang tidak betul itu dianggap sebagai kesesatan.

- 2- Apabila terpancarnya cahaya Islam dan orang ramai telah mula berpusu-pusu menganutinya, maka berlakulah pergaulan dan interaksi antara orang Arab dan bukan Arab. Ini memberikan pengaruh yang besar ke arah berlakunya kecacatan bahasa. Keadaan ini menjadi dorongan yang kuat kepada mereka yang sayangkan Islam untuk menjaga dan mempertahankan bahasa Arab yang merupakan bahasa rasmi Islam.

- 3- Tumpuan khusus ke arah pemeliharaan fahaman terhadap al-Qur'an dan Hadis. Kecacatan bahasa atau penyelewengannya akan membawa kepada kecelaruan dalam memahaminya. Ini semua memberikan kesan yang besar dalam memahami al-Qur'an dan Hadis yang merupakan sumber utama kepada

---

<sup>1</sup> al-Sayu:tiyy, *Al-Muzhir*, jld.2, hlm.297.



perundangan Islam<sup>1</sup>. Kesedaran terhadap perkara inilah juga menjadikan dorongan yang kuat kepada para ulama ke arah membanting tenaga dalam usaha mengumpul bahan bahasa.

Selain daripada apa yang berkaitan dengan bahasa, pengumpulan *mathal* juga dilakukan secara khusus, dan pengumpulannya tiada kaitan dengan perkara-perkara lain. Pengumpulannya dilakukan semata-mata kerana keistimewaan yang dimiliki oleh *mathal* itu sendiri dimana ia memiliki ciri-ciri sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini. Dari segi keberkesanaannya terhadap minda, puisi dan *mathal* hampir sama. Apa yang mempengaruhi minda dalam puisi ialah wazan dan qafiahnya. Manakala *mathal* pula adalah kerana ringkas dan pendek ungkapannya. Ramai menerimanya kerana ia adalah warisan silam nenek moyang hasil daripada segala pengalaman yang mereka kecap, pahit manis, senang susah yang telah dilaluinya semenjak turun temurun.<sup>2</sup>

Mengikut cerita bahawa al-Kisa:iyy<sup>3</sup> setelah mendapat maklumat daripada gurunya 'al-Khali:l bin Ahmad' bahawa kawasan pedalaman Arab merupakan sumber ilmu bahasa, maka al-Kisa:iy pun keluarlah menjelajah ke seluruh pelusuk

---

<sup>1</sup> Ha:ru:n, hlm.16.

<sup>2</sup> al-Shalqa:niyy, hlm.494.

<sup>3</sup> al-Kisa:'iyy ialah seorang tokoh bahasa Arab yang terkemuka. Nama penuhnya ialah Abu al-Hassan 'Aliyy Bin Hamzaṭ bin 'Abdullah bin Othman al-Ima:m Abu: al-Hasan al-Kisa:'iyy. Beliau merupakan pemimpin atau tokoh nahu bagi aliran nahu Kufah. Beliau juga salah seorang daripada tujuh tokoh qari yang tujuh. Beliau diberi gelaran dengan al-Kisa:iyy kerana beliau berihlan dengan menggunakan baju. Meninggal dunia pada tahun 189H di al-Ray. Lihat: al-Sha:tir hlm.61-62. Lihat juga: al-Marbawiyy, hlm.186.

pedalaman Arab. Dalam ekspedisinya itu beliau pergi menemui orang-orang badawi yang tulin bahasa mereka. Beliau berada di tempat-tempat tersebut dalam jangka masa yang panjang. Tujuannya adalah untuk mencatat dan menghafal segala bahan bahasa dan dialek yang terdapat kalangan mereka. Mengikut apa yang diriwayatkan bahawa al-Kisa:’iy telah menghabiskan sebanyak 15 botol dakwat untuk menulis dan mencatat segala apa yang diterimanya daripada para responden yang dikunjunginya.<sup>1</sup>

Penulis mendapati usaha ke arah pengumpulan *mathal* ini melalui tiga peringkat:

Peringkat pertama: Pengumpulan dilakukan oleh para pengumpul cerita dan ahli-ahli sejarah. Mengikut sumber, orang yang pertama sekali yang mengumpul *mathal* secara khusus ialah ‘Ubayd bin Shariyat al-Jurhumiiyy al-Yama:niyy. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Ibn al-Nadi:m di dalam kitabnya.<sup>2</sup>

Peringkat Kedua: Bermulanya peringkat kedua ini dengan bermulanya abad kedua Hijrah. Peringkat ini menyaksikan perpindahan gerakan pengumpulan *mathal* daripada pengumpul cerita dan ahli sejarah kepada ahli-ahli bahasa. Para ahli bahasa memberi perhatian yang sangat berat kepada *mathal-mathal*. Dengan tujuan untuk menjadikan *mathal-mathal* itu sebagai contoh yang baik kepada

---

<sup>1</sup>Tulb, hlm. 218.

<sup>2</sup> Ibn al-Nadi:m, hlm.35

kefasihan. Dengan demikian gerakan pengumpulan *mathal* menjadi lebih aktif dalam kalangan mereka. Keadaan seumpama ini memberi gambaran seolah-olah setiap ahli bahasa pada ketika itu terdiri daripada pengumpul dan penyusun *mathal*. Lebih jauh daripada itu mereka juga turut membuat kajian yang teliti bagi setiap *mathal* yang dikumpul. Sehubungan dengan itu maka lahirlah beberapa karya dan karangan. Akan tetapi apa yang menyedihkan karya-karya hasilan abad ini yang masih tinggal dan boleh ditatap hanyalah dua karya sahaja. Salah satu daripadanya ialah kitab<sup>1</sup>(أمثال العرب)

Para tokoh bahasa menjadikan *mathal* sebagai salah satu bukti dan neraca kefasihan sama ada dari nahu mahupun gaya bahasa.

Keistimewaan peringkat ini adalah, para tokoh bahasa meletakkan *mathal* dalam perhatian utama mereka. Mereka mencari dan mengumpulnya sendiri daripada sumber asal yang belum pernah tercemar oleh unsur-unsur luaran atau pengaruh-pengaruh luar. Dimaksudkan dengan sumber asal di sini ialah orang-orang badawi yang mendiami Semenanjung Arab. Mereka ini mempraktikkan bahasa yang tulen ini semenjak dulu kala lagi yangmana zaman permulaannya sukar disepakati oleh ahli sejarah.

---

<sup>1</sup>al-Sudu:siyy, (ed: Ahmad al-Tayyib), t.th, Universiti Riyad: Riyad.

Usaha mereka ini amatlah dihargai kerana ia memberikan sumbangan yang amat bermakna yang tidak dapat dinilai dengan harta benda. Usaha mereka juga secara khususnya dapat memperkaya cabang-cabang bahasa Arab terutama sekali bidang balaghah dan kesusasteraan Arab.

Peringkat Ketiga: Peringkat ini ialah peringkat pengumpulan pukal bagi *mathal-mathal* peninggalan silam. Ia diklasifikasikan mengikut kelas-kelas ataupun jenis-jenis tertentu, sama ada ia terdiri daripada cerita, riwayat, bahan bahasa dan sebagainya. Kumpulan-kumpulan *mathal* ini disusun dan ditempatkan dalam ensiklopedia-ensiklopedia mengikut susunan tertentu yang memudahkan pengkaji dan penyelidik terkemudian untuk mendapatkan bahan-bahan tertentu.

Peringkat ini tertumpu kepada pengumpulan *mathal-mathal* Arab lama yang bermula dari zaman Jahiliyah sehinggalah ke abad yang keenam Hijrah. Ia menjadi bahan rujukan kepada para penuntut ilmu dan juga para pengkaji dan penyelidik dalam berbagai-bagai bidang seperti nahu, saraf, struktur ayat, gaya bahasa dan lain-lain lagi. Manakala pengkaji sosiologi pula memberi perhatian kepada peristiwa-peistiwa yang ada kaitan dengan sesuatu *mathal* juga kesesuaian kemunculan *mathal* tersebut dengan peristiwa dan situasi yang terdapat pada masa itu. Seterusnya mereka akan membuat dan memberikan penafsiran yang relevan dengan keadaan tersebut.

Pembahagian pengumpulan *mathal* ini kepada tiga peringkat adalah sejajar dan selari dengan gerakan penyusunan ilmu-ilmu Islam yang lain. Mengikut gambaran yang diberikan oleh Prof. Shalabiyy bahawa peringkat pertama dalam penyusunan ilmu-ilmu Islam adalah merupakan catatan-catatan tentang idea, buah fikiran serta matan Hadis. Ini dilakukan secara bercampur aduk dan ada juga yang dibuat secara berasingan. Manakala peringkat yang kedua pula merupakan peringkat penyusunan secara khusus atau pengkelasan mengikut bidang dan tajuk tertentu. Manakala peringkat ketiganya ialah peringkat pengarangan iaitu menyusun semula apa yang dikumpulkan dengan menokok tambah penerangan contoh dan apa saja yang boleh memudahkan pencinta ilmu dan juga para penyelidik dalam mengambil manfaat daripada ilmu tersebut. Dari sinilah bermulanya penghasilan karya-karya agong. Dikatakan orang yang mula-mula sekali yang menghasilkan karya bertulis ialah ‘Abd al-Malik bin ‘Abd al-‘Azi:z bin Jurayj al-Basriyy yang meninggal dunia pada tahun 155H.<sup>1</sup>

Sememangnya perkembangan ilmu-ilmu Islam dan juga perkembangan ilmu bahasa Arab telah berjalan seiring. Dan *mathal* yang merupakan salah satu komponen bahasa turut bergerak seiringan dengan yang lainnya. Tambah-tambah lagi dalam banyak keadaan tokoh-tokoh agama dan bahasa merupakan orang yang sama.

---

<sup>1</sup>Shalabiyy, hlm.229-231.

## 2.9 Kesimpulan

Apa yang telah dipaparkan di atas dapat menunjukkan dengan jelas tentang kedudukan *mathal* dalam bidang bahasa. *Mathal* merupakan salah satu bahasa kiasan yang terdapat dalam bahasa Arab. Ia penting bagi beberapa bidang pengajian Arab seperti peradaban Arab, nahu, balaghah, sejarah, gaya bahasa, kesusesteraan, perbendaharaan kata, akhlak dan etika serta beberapa perkara lain. Ia sangat berbeza dengan *mathal* atau peribahasa bagi bahasa-bahasa lain. Hal ini adalah kerana kelahirannya berasaskan kepada peristiwa-peristiwa tertentu, pengalaman-pengalaman serta beberapa perkara lain. Manakala ramai pengungkap pertama bagi setiap *mathal* turut dirakamkan bersama peristiwa-peristiwa yang berlaku. Inilah antara kekuatan yang dimiliki oleh *mathal* Arab berbanding dengan *mathal-mathal* atau peribahasa lain.